

**PEKELILING KPPSM BILANGAN 3 TAHUN 2009 :  
TATACARA MENJALANKAN TUGAS PENDAKWAAN DI  
MAHKAMAH**

1.0	Tujuan	55
2.0	Latarbelakang	55
3.0	Kuasa Untuk Mendakwa	56
	3.1    Surat Pemberian Kuasa	56
	3.2    Sanksi atau Izin Pendakwaan	56
4.0	Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Pendakwa	56
	4.1    Penerimaan Kertas Siasatan	56
	4.2    Mengetahui Fakta Kes	57
5.0	Arahan Sebelum Pendakwaan	57
	5.1    Kertas Siasatan	57
	5.2    Kertas Pertuduhan	57
	5.3    Pertuduhan	57
	5.4    Pendaftaran Kes	58
6.0	Arahan Semasa Pendakwaan	58
	6.1    Pengakuan Bersalah	58
	6.2    Pengakuan Tidak Bersalah	59
7.0	Arahan Selepas Pendakwaan	62
	7.1    Tindakan	62
8.0	Arahan am	64
9.0	Perlaksanaan	65
10.0	Tarikh Kuatkuasa	65
	Lampiran	

Lampiran A	Objektif Pendakwaan	66
Lampiran B	Carta Aliran Proses Pendakwaan	67
Lampiran C	Contoh Surat Pemberian Kuasa	69
Lampiran D	Contoh Surat Sanksi	70
Lampiran E	Borang Mahkamah 113	71
Lampiran F	Borang Mahkamah 114	72
Lampiran G	Fakta Kes	74
Lampiran H	<i>Order To Produce (OTP) - Borang</i> Mahkamah 148 Pin 2/84	80
Lampiran I	Saman Kepada Saksi – Borang Mahkamah 132	81
Lampiran J	Contoh Penghujahan Pegawai Pendakwa Di Akhir Kes Pendakwaan	82
Lampiran K	Contoh Penghujahan Pegawai Pendakwa Di Akhir Kes Pembelaan	95
Lampiran L1	Borang Pol. R.J.2	104
Lampiran L2	Borang Pol. R.J.9	108



## PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2009

### TATACARA MENJALANKAN PENDAKWAAN BAGI KES-KES KESALAHAN HUTAN DI MAHKAMAH SESYEN/MAJISTRET DI SEmenanjung MALAYSIA

---

#### 1.0 **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara serta panduan kepada Pegawai Pendakwa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang mengendalikan kes-kes pendakwaan dalam mana-mana Mahkarah Majistret/Sesyen terhadap mana-mana orang yang didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara, Enakmen Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedahnya.

#### 2.0 **LATARBELAKANG**

- 2.1 Pekeliling ini adalah sebagai panduan kepada Pegawai-Pegawai Pendakwa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia supaya dapat mengambil tindakan yang lebih terancang, teratur, efisyen dan seterusnya melaksanakan tindakan pendakwaan yang berkualiti bagi mencapai objektif pendakwaan seperti di **LAMPIRAN A**.
- 2.2 Tatacara yang seragam ini hendaklah digunakan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi tujuan menjalankan tugas-tugas pendakwaan dalam mana-mana Mahkamah Majistret/Sesyen terhadap mana-mana orang yang didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Perhutanan Negara, Enakmen Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedahnya. Ketidakseragaman tatacara boleh mengakibatkan pelbagai implikasi undang-undang yang boleh menjaskan kredibiliti serta imej jabatan dan kerajaan.

Carta aliran proses pendakwaan adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

### **3.0 KUASA UNTUK MENDAKWA**

#### **3.1 Surat Pemberian Kuasa**

Surat Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 377(b) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) oleh Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya hendaklah diperolehi untuk membolehkan seseorang itu menjalankan tugas-tugas pendakwaan di bawah Akta Perhutanan Negara, Akta Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedahnya bagi pihak Pendakwa Raya atau Timbalan Pendakwa Raya. Contoh surat pemberian kuasa di **LAMPIRAN C.**

#### **3.2 Sanksi atau Izin Pendakwaan**

Pendakwaan tidak boleh dijalankan atau dimulakan bagi apa-apa kesalahan di bawah peruntukan Akta Perhutanan Negara, Akta Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedahnya tanpa sanksi bertulis dari Pendakwa Raya atau Timbalannya. Contoh sanksi di **LAMPIRAN D.**

### **4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENDAKWA**

#### **4.1 Penerimaan Kertas Siasatan [*Investigation Paper (IP)*] –**

Setiap IP hendaklah diperolehi dari Pegawai Penyiasat [*Investigation Officer (IO)*] sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum kes didaftarkan di Mahkamah bagi tujuan berikut:-

- (i) Membolehkan Pegawai Pendakwa [*Prosecuting Officer (PO)*] meneliti IP dan menyediakan keperluan pendakwaan;
- (ii) Mengelakkan pertindihan tugas pendakwaan;
- (iii) Membolehkan IO mengambil tindakan segera sekiranya terdapat kekurangan terhadap IP; antaranya:-
  - (a) Rakaman Percakapan Saksi (pengadu, anggota operasi, salinan sah Laporan Polis dll);

- (b) Senarai saksi, barang kes atau pengesahan dokumen;
- 4.2 **Mengetahui fakta kes** – Pegawai Pendakwa hendaklah meneliti keseluruhan IP tersebut bagi mengenalpasti fakta kes yang mana diantaranya termasuklah perkara berikut:-
- (i) Jenis/seksyen kesalahan, intipati pertuduhan, dan hukuman seperti mana yang diperuntukkan dalam undang-undang berkaitan.
  - (ii) Bagaimana pertuduhan dibuat, sama ada secara perseorangan, atau berkumpulan (sebagai rakan jenayah, niat bersama sebagai orang yang bersubahat) atau sebagai sebuah syarikat serta Mahkamah mana sepatutnya mengendalikan kes pendakwaan tersebut.

## **5.0 ARAHAN SEBELUM PENDAKWAAN**

- 5.1 **Kertas Siasatan** – Tentukan IP lengkap. Sekiranya tidak lengkap, maka IP tersebut hendaklah dikembalikan semula kepada IO untuk tindakan selanjutnya.
- 5.2 **Kertas Pertuduhan** – Pertuduhan hendaklah menggunakan borang *Mahkamah 113 atau Mahkamah 114*:-
- (i) Borang Mahkamah 113 digunakan bagi tuduhan lebih dari seorang perseorangan/individu seperti di **LAMPIRAN E**.
  - (ii) Borang Mahkamah 114 digunakan bagi tuduhan perseorangan/individu seperti di **LAMPIRAN F**.
- Gunakan lampiran sekiranya ruangan yang disediakan pada Kertas Pertuduhan tidak mencukupi.
- 5.3 **Pertuduhan** – Setiap pertuduhan hendaklah menerangkan jenis kesalahan dengan menyatakan undang-undang dan seksyen kesalahan yang dilakukan serta mengandungi butir-butir berkenaan masa dan tempat berlakunya kesalahan sekiranya diketahui. (*Sila rujuk peruntukan Seksyen 152 hingga Seksyen 155 KTJ*).

5.4 **Pendaftaran Kes** – Bagi kes-kes untuk sebutan, tiga salinan Kertas Pertuduhan hendaklah diserahkan kepada Mahkamah untuk didaftarkan dan dapatkan semula salinan kertas pertuduhan tersebut untuk direkodkan dalam IP.

## **6.0 ARAHAN SEMASA PENDAKWAAN**

### **6.1 Pengakuan Bersalah**

- (i) Pegawai Pendakwa mesti berada di dalam Mahkamah sebelum Mahkamah bersidang jam 9.00 pagi.
- (ii) Apabila kes dipanggil oleh Mahkamah, PO hendaklahlah bangun untuk memperkenalkan diri sebagai ‘Pegawai Pendakwa’ kepada kes yang telah dipanggil serta mengemukakan Salinan Sah Surat Pemberian Kuasa di Bawah Seksyen 377(b) KTJ atau surat Sanksi Bertulis kepada Mahkamah dan juga satu salinan kepada pihak pembela/peguambela. Pegawai Pendakwa kemudiannya hendaklah memohon kepada Mahkamah supaya Surat Pemberian Kuasa atau Sanksi Bertulis ini ditanda sebagai ekshibit.
- (iii) Setelah Pertuduhan dibacakan kepada Orang Kena Tuduh (OKT), satu pengakuan akan dibuat oleh OKT samada mengaku salah atau mengaku tidak bersalah.
- (iv) Sekiranya pengakuan bersalah dibuat oleh OKT, PO hendaklah mengemukakan fakta kes kepada Mahkamah. Contoh fakta kes di **LAMPIRAN G**. Setelah fakta kes diakui benar oleh OKT, PO hendak memohon kepada Mahkamah supaya fakta kes tersebut ditanda sebagai ekshibit.
- (v) Pegawai Pendakwa seterusnya hendaklah mengemukakan kepada Mahkamah perkara-perkara berikut seperti mana kaedah (iv) di atas secara berturutan;
  - (a) Laporan polis,
  - (b) Barang-barang kes, dan
  - (c) Dokumen-dokumen berkaitan seperti pelan lakar, pelan topo, gambar dan lain-lain.

Apabila semua perkara diatas diakui benar oleh tertuduh, PO hendaklah memohon supaya perkara-perkara tersebut ditanda sebagai ekshibit.

- (vi) Mahkamah akan mensabitkan OKT dengan kesalahan/pertuduhan yang telah dikenakan. Mahkamah seterusnya memberi peluang kepada OKT untuk membuat rayuan bagi meringankan hukuman.
- (vii) Selepas rayuan dibuat oleh OKT, PO hendaklah mengemukakan hujah (ulasan dan alasan) supaya hukuman setimpal dikenakan terhadap OKT.
- (viii) Pegawai Pendakwa juga hendaklah mengesyorkan kepada Mahkamah supaya satu keputusan dibuat terhadap barang kes berdasarkan peruntukan Seksyen 94 (3), Akta Perhutanan Negara.
- (ix) Jika OKT adalah warganegara asing yang didapati bersalah atau menjalani hukuman penjara dan tidak dipelukan sebagai saksi perbicaraan, maka Mahkamah akan membuat keputusan terhadap passport atau dokumen perjalanan mereka.

## **6.2 Pengakuan Tidak Bersalah**

- (i) Apabila OKT membuat pengakuan tidak bersalah, PO hendaklah mengesyorkan supaya OKT dikenakan Jaminan Mahkamah (sekiranya OKT adalah warganegara) dan membantah sebarang jaminan (sekiranya OKT bukan warga negara). Pegawai Pendakwa juga hendaklah membantah sebarang permohonan untuk mengurangkan jumlah jaminan yang dipohon oleh OKT/peguambela dengan mengemukakan hujah yang munasabah.
- (ii) Setiap kali memulakan perbicaraan pendakwaan, PO hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah jumlah saksi yang telah disapina, jumlah saksi yang hadir serta jumlah saksi yang akan dipanggil untuk memberi keterangan pada hari perbicaraan tersebut dan bersedia untuk jalankan perbicaraan. Sebarang penangguhan yang dipohon oleh OKT/Pegeuambela hendaklah

dibantah sekiranya alasan penangguhan yang diberikan tidak munasabah.

- (iii) Penangguhan kes hendaklah dilaporkan kepada Timbalan Pendakwa Raya, Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) dalam tempoh 48 jam dengan menyatakan sebab-sebab penangguhan dibuat. Pegawai Pendakwa hendaklah memohon satu tarikh sebutan lain.

*Catatan – Dalam bidang kuasa Mahkamah untuk membebaskan OKT dengan jaminan sebagaimana yang diperuntukan di bawah Seksyen 387 atau 388 KTJ. Sekiranya jaminan dibenarkan oleh Mahkamah, satu jumlah jaminan yang munasabah mesti ditawarkan dan penjamin mestilah terdiri daripada warganegara. Pegawai Pendakwa juga berhak memohon syarat-syarat lain sebagai tambahan kepada jaminan yang ditawarkan.*

- (iv) Mana-mana kes sebutan yang mana OKT mengaku tidak bersalah dan pohon dibicarakan, manakala OKT gagal dijamin, maka OKT akan ditahan di penjara sebagai tahanan reman sementara menunggu tarikh perbicaraan. Pegawai Pendakwa hendaklah memastikan supaya IO mendapatkan *Order to Produce* (OTP) daripada Mahkamah sekurang-kurangnya 14 hari daripada tarikh perbicaraan dengan menggunakan borang Mahkamah 148 Pin 2/84 seperti di **LAMPIRAN H**.
- (v) Pegawai Pendakwa hendaklah memastikan IO menyediakan senarai saksi, serta memohon saman(sapina) daripada Mahkamah dengan menggunakan borang Mahkamah 132 seperti di **LAMPIRAN I** dan seterusnya pastikan keratan akuan penerimaan saman(sapina) tersebut diterima semula untuk persiapan pendakwaan di mahkamah.
- (vi) Pegawai Pendakwa hendaklah membuat catitan kekuatan atau kelemahan kes dengan memikirkan hujah pembelaan oleh OKT/peguambela serta menyediakan Ringkasan Keterangan Kes (*Summary Evidence*).
- (vii) Semasa perbicaraan, PO perlulah membuat pemeriksaan kehadiran saksi dan pastikan mereka tidak meninggalkan bilik saksi. Pastikan ekshhibit dan OKT

dibawa ke Mahkamah oleh IO. Pegawai Pendakwa hendaklah memaklumkan kepada Mahkamah jumlah saksi yang akan memberi keterangan di Mahkamah pada hari perbicaraan tersebut.

- (viii) Pemanggilan saksi yang dibuat oleh PO hendaklah mengikut susunan terbaik di dalam pembuktian kes supaya Mahkamah dapat memahami perjalanan kes pendakwaan dengan mudah.
- (vi) Pegawai Pendakwa hendaklah mengemukakan soalan untuk mendapatkan keterangan daripada saksi berkaitan intipati pertuduhan sahaja supaya tidak ada percanggahan keterangan antara satu saksi dengan saksi yang lain.
- (x) Pegawai Pendakwa hendaklah menggunakan bahasa yang mudah difahami dan tepat kepada saksi-saksi serta mengawal saksi supaya menjawab kepada soalan-soalan yang diajukan sahaja. Elakkan menyioal saksi dengan fakta-fakta yang beliau sendiri tidak jelas serta meminta pendapatnya sekiranya ianya bukan seorang saksi pakar. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada saksi adalah soalan-soalan yang berkaitan dengan kes sahaja.
- (xi) Pegawai Pendakwa mesti berwaspada dan mengawasi soalan-soalan semasa pemeriksaan balas kerana pihak pembelaan akan cuba membina landasan pembelaannya. Pegawai Pendakwa hendaklah membantah sebarang soalan OKT/peguambela yang difikirkan tiada kaitan dengan kes. Dengan mengawasi soalan-soalan semasa pemeriksaan balas oleh peguambela, PO dapat meramal serta melihat arah tujuan kes pembelaan.
- (xii) Semasa mengemukakan barang kes (Ekshhibit), PO hendaklah memastikan dahulu yang saksi menerangkan kepada Mahkamah keadaan serta rupa bentuk (sifat fizikal) barang kes berkenaan sebelum dikemukakan untuk pengecaman dan sekiranya barang kes itu merupakan barang kes yang disita, PO hendaklah memastikan pengecaman dibuat melalui tanda-tanda

tertentu yang dibuat semasa penyitaan oleh saksi-saksi berkenaan.

- (xiii) Adalah tanggungjawab PO sebagai pegawai Mahkamah, membantu Mahkamah membuat keputusan samada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan:-
  - (a) Suatu kes *prima facie* di akhir Kes Pendakwaan dengan mengemukakan penghujahan, sebagaimana contoh di **LAMPIRAN J**.
  - (b) Menimbulkan status kes Tanpa Keraguan Yang Munasabah di peringkat akhir Kes Pembelaan sebagaimana contoh di **LAMPIRAN K**.
- (xiv) Sekiranya OKT didapati bersalah dan mengemukakan permohonan penangguhan rayuan hukuman, PO hendaklah menyediakan penghujahan untuk membantah permohonan tersebut.
- (xv) Sekiranya di akhir kes perbicaraan diputuskan OKT didapati tidak bersalah, Mahkamah boleh melepas/membebaskan OKT.
- (xvi) Pegawai Pendakwa hendaklah memainkan peranan membantu pihak Mahkamah membuat keputusan ke atas barang kes (*eksibit*) yang telah dikemukakan di Mahkamah untuk mendapatkan perintah samada dilupuskan atau dikembalikan semula kepada OKT.
- (xvii) Pegawai Pendakwa hendaklah berbincang dengan Timbalan Pendakwa Raya untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan dari semasa ke semasa berkaitan prosiding perbicaraan yang akan/ sedang dijalankan terutama isu-isu yang dibangkitkan oleh peguambela yang mempunyai impak perundangan.

## 7.0 ARAHAN SELEPAS PENDAKWAAN

### 7.1 Tindakan

- (i) Keputusan kes sama ada bersalah atau tidak bersalah atau bersalah dengan denda ataupun hukuman penjara, no. resit bayaran denda, waran mempenjarakan dan

nama Majistret/Hakim yang mendengar kes tersebut hendaklah dicatatkan dalam Kertas Pertuduhan.

- (ii) Keputusan kes ini juga hendaklah direkodkan di dalam IP dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya sebaik sahaja keputusan kes diperolehi untuk tindakan Jabatan Peguam Negara/Timbalan Pendakwa Raya menfaillkan Notis Rayuan Penghakiman tersebut dalam tempoh (10) hari selepas keputusan kes diperolehi, sekiranya perlu.
- (iii) Keputusan kes juga hendaklah dimaklumkan kepada PPN untuk tindakan lanjut.
- (iv) Pegawai Pendakwa kemudiannya hendaklah merekodkan keputusan kes di dalam Borang Pol. R.J.2 di **Lampiran L1** dan Borang Pol. R.J.9 di **Lampiran L2** yang boleh diperolehi dari Pendaftar Penjenayah, Malaysia & Singapura, Bukit Aman mengenai tarikh hukuman, tempat Mahkamah dan nama Majistret yang menjatuhkan hukuman, kesalahan dengan menyatakan sekali Undang-Undang dan Seksyen serta hukuman yang dijatuhkan dengan menurunkan tandatangan PO dengan menggunakan cop rasminya.
- (v) Borang Pol. R.J.2 dan Borang Pol. R.J.9 yang telah disempurnakan hendaklah dihantar ke Pusat Pendaftar Penjenayah, Malaysia & Singapura, Bukit Aman dengan segera.
- (vi) Pegawai pendakwa hendaklah mengambil tindakan berikut terhadap ekshibit dan barang kes pendakwaan:-
  - (a) rujuk kepada PPN untuk tindakan pelupusan mana-mana barang kes yang dilucut hak apabila Mahkamah memutuskan supaya barang kes di serahkan kepada pendakwa untuk lucut hak ; atau
  - (b) dikembalikan semula secara sah kepada OKT sebagaimana yang diarah oleh Mahkamah.
- (viii) Satu laporan lengkap hendaklah dikemukakan kepada PPN berkaitan Perintah Mahkamah terhadap ekshibit dan barang kes sama ada untuk tindakan lucuthak, dilupus atau diserahkan kepada tuanpunya yang berhak.

## 8.0 ARAHAN- ARAHAN AM

- 8.1 Pegawai Pendakwa juga adalah dilarang menerima dan membawa sendiri barang kes ke Mahkamah. Barang kes hendaklah dibawa ke Mahkamah oleh IO.
- 8.2 Pegawai Pendakwa adalah dilarang dan juga memastikan tidak ada mana-mana pihak memujuk atau menjanjikan sesuatu kepada OKT sebagai satu balasan sekiranya mengaku salah dalam kes yang dipertuduhkan.
- 8.3 Selain daripada mempunyai kemahiran yang tinggi mengenai Akta Perhutanan Negara, Enakmen Industri Berasas Kayu dan Kaedah-Kaedahnya, PO juga hendaklah mahir mengenai peruntukan berkaitan Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Keterangan 1950.
- 8.4 Pegawai Pendakwa juga adalah Pegawai Mahkamah dan terikat kepada Peraturan-Peraturan dan Tatacara Mahkamah.
- 8.5 Pegawai Pendakwa hendaklah memakai baju putih, seluar dan kot hitam serta tali leher berwarna gelap ketika hadir di Mahkamah.
- 8.6 Pegawai Pendakwa hendaklah sentiasa menjaga tingkah laku dan personaliti demi imej dan nama baik Jabatan.
- 8.7 Pegawai Pendakwa hendaklah menyediakan salinan IP dan merekodkan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi tujuan rujukan di Mahkamah sekiranya IP asal yang diedarkan untuk tindakan belum lagi diterima dari IO atau Timbalan Pendakwa Raya.
- 8.8 Bagi kes di mana Mahkamah telah memutuskan OKT Dilepas Tanpa Dibebaskan (DNAA) atas sebab OKT tidak hadir, walaupun waran tangkap telah dikeluarkan ke atasnya, PO hendaklah memastikan IO mengemukakan OKT ke Mahkamah seberapa segera untuk pertuduhan semula sebaik sahaja tangkapan telah dibuat. Dalam keadaan ini PO hendaklah bersedia dengan kertas pertuduhan baru dan mendaftar semula kes tersebut di Mahkamah berkenaan.
- 8.9 Mana-mana PO yang telah diarah untuk bertukar dan kes bicara yang dikendalikannya masih belum selesai, PO tersebut

menyerahkan IP bersama nota keterangan saksi serta menerangkan kedudukan kes kepada PO pengganti.

## 9.0 PELAKSANAAN

- (1) Pekeliling ini adalah tambahan dan bukan melemahkan mana-mana peruntukan berhubung dengan mana-mana penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984, Akta Industri Berasas Kayu 1985 dan Kaedah-Kaedah Hutan, atau mana-mana peruntukan undang-undang lain, atau mana-mana arahan bertulis daripada pihak Jabatan Kehakiman atau Jabatan Peguam Negara berhubung dengan tugas-tugas pendakwaan dan tatacara di Mahkamah.
- (2) Sekiranya terdapat sebarang keraguan dan kekeliruan yang timbul, pertanyaan atau apa-apa cadangan hendaklah dimajukan terus kepada Pengarah, BahagianPenguatkuasaan Hutan, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia melalui Pengarah Perhutanan Negeri.

## 10.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **11 Mei 2009** bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia .

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"SAYANGI HUTAN"**

  
**(DATO' SERI AZAHAR BIN MUDA)**  
Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh : 5 Mei, 2009


**LAMPIRAN A**

**OBJEKTIF PENDAKWAAN**


1. Menjaga Kepentingan Awam.
2. Melindungi Hak Asasi Manusia.
3. Memberi Keadilan Kepada Yang Teraniaya Atau Yang Mengalami Kerugian.
4. Mematuhi Dasar-Dasar Kerajaan.
5. Memastikan Sama Ada Tertuduh Bersalah Atau Tidak Mengikut Lunas-Lunas Undang-Undang.
6. Untuk Memastikan Hukuman Setimpal Mengikut Undang-Undang Kepada Tertuduh Apabila Didapati Bersalah.

LAMPIRAN B

**CARTA ALIRAN PROSES PENDAKWAAN**



**Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia**



LAMPIRAN C

**CONTOH SURAT PEMBERIAN KUASA**

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI,  
NEGERI PAHANG,  
TINGKAT 3, WISMA SRI PAHANG,  
25000 KUANTAN, PAHANG.

**KANUN PROSEDUR JENAYAH  
(NEGERI-NEGERI MELAYU BERSEKUTU BAB 6)  
Pemberian Kuasa Di Bawah Seksyen 377(b)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Pendakwa Raya oleh Seksyen 377(b) Kanun Prosedur Jenayah (Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bab 6) dan yang terletakhak pada saya mengikut Seksyen 376(iii) Kanun Prosedur Jenayah, saya **MOHAMAD SHARIFF BIN ABU SAMAH**, Timbalan Pendakwa Raya, Negeri Pahang dengan ini memberi kuasa kepada **TUAN HJ. ABDUL KHALIM BIN ABU SAMAH**, NO. KAD PENGENALAN: 620714-71-5743, PENOLONG PENGARAH (PENGUATKUASA), PEJABAT PERHUTANAN NEGERI PAHANG, KUANTAN, PAHANG untuk menjalankan pendakwaan di Mahkamah Sesyen/Majistret di dalam Negeri Pahang.

Pemberian kuasa ini adalah sah dan berkuatkuasa selama tempoh masa Pegawai yang namanya dinyatakan di atas bertugas di Negeri Pahang dan menjalankan tugas-tugas pendakwaan.

Bertarikh pada 30 Oktober 2000

(MOHAMAD SHARIFF BIN ABU SAMAH)  
Ketua Unit Pendakwaan/  
Timbalan Pendakwa Raya, Pahang

**LAMPIRAN D**

**CONTOH SURAT SANKSI**

**AKTA IMIGRESEN 1959/63**

**SANKSI DI BAWAH SEKSYEN 58(2)**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 58(2), Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) dan seksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) maka saya, .....(Nama Timbalan Pendakwa Raya)..... Timbalan Pendakwa Raya, dengan ini memberi sanksi pendakwaan .....(Nama OKT)..... kerana kesalahan di bawah seksyen 558B(1) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 150) yang dikatakan telah dilakukan pada ..... jam ..... di .....

**BERTARIKH**

**TIMBALAN PENDAKWA RAYA**

**LAMPIRAN E**

**Borang Mahkamah 113**  
**(Tuduhan Lebih Dari Seorangan)**

JANGAN TULIS DALAM RUANGAN INI  
DO NOT WRITE IN THIS MARGIN

1 Mahkamah 113—Pkt. 4/01; (Courts 112—Rev. 20/1)		Samaran/Signed..... No. .... tahan 20.... of 20		Empirikan.....	
No. IP-HQ-E(803)872/04 Di Mahkamah <b>Sesyen</b> Majistret di <b>AMPANG, SELANGOR</b> Sebenar <b>Surat Perintah</b> <b>Court 21</b>		Waktu/Warrant No. .... tahan 20.... of 20		Tangkapan/Arrest No. .... tahan 20.... of 20	
<b>MALAYSIA</b>					
<b>Kertas Pertuduhan/Charge Sheet</b>					
(Jangan tulis dalam ruangan ini! (Do not write in this space!)					
ADUAN POLIS/PANDAN INDAH: 3457/04					
Penuduhan/Charge:					
Bawahu Kamu bersama-sama pada 15 Julai 2004 jam lebih kurang 3.30 petang di alamat No: 154-G, Jalan Mewah 4/7, Taman Mewah, Pandan Indah, dalam Daerah Ampang, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, dengan niat bersama telah memindah suatu pengdorsan untuk digunakan sebagai suatu Pas di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Kesiksaan.					
Tarikh surat/doktorialan Utk warden, singgahan dan anggi Return date of Summon (If warrant, have blank)	20.....	Pukul Time	pagi a.m.		
Tarikh dilantunkan Saman Warren Date of issue of Summons Warren	20.....	Tandatangan pihak berkuasa yang mengeluarkas Signature of authority			
Yang Dipertua/President Majistret/Rasmi Pendaftar/Registrar					
Dari/buruk jadi-jadian polis yang ditawarkan. Particulars of officer that offered:	Tarikh Glacies Jamia Return date	Ranayeku RM Amount RM	Penjawat/Servis Penjamin/pengajar/Sureties		
Jaminan polis disambut pada Police Bell taken on	30..... 20.....	*			
Orang-orang yang diudit menurut peraturan di sini: Persons charged as above/accused:					
NAMA/NAME		ALAMAT/ADDRESS			
1. Md. Shafiqul Islam Md. Baten Miah 2. Md. Kamaruzzaman Qaramullah 3. Abd. Kalam Sheikh Ullah		Dist. Comilla, Bangladesh Dhaka, Bangladesh			
4. 5. 6. 7. 8.					
Nama pengadu (Pihak) Name of complainant (If any)	LUDIN BIN YUSOF Timb. Pen.Pengarah Imigresen	Tarikh pengaduan Date of complaint	15.07.2004	Nilai yang dikatakan bagi harta yang terhadat Alleged value of property involved	
Ketepatan, sahitan-sahitan yang dulu dan terajaran mengenai watak, rayuan imut incingukan halaman dan kunci-kunci-hartanah dan sebarang dalan harta perduhan ini, tetapi bule dibuat dalam lampiran. Findings, pasti statements and evidence of character, pleas in mitigation and sentence are set out in the recitals in this charge sheet, but in an abstract.					
Pegawai atau pegawai Pendakwa Prosecuting Advocate or officer		RUSLI BIN MOKHTAR Timb. Pen. Pengarah Imigresen		Pegawai Pembela Defending Advocate	
JDT4758-LPN MR. R.L.					

## Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia

LAMPIRAN F

**Borang Mahkamah 114**  
**( Tuduhan Perseorangan )**

JANGAN TULIS DALAM RUANGAN INI DO NOT WRITE IN THIS AREA		TANAH MELAYU/MALAYA		Lampiran G			
Dalam Melayu/Malay Saya Migrasi		SELANGOR		Surat/Kemaskini No. _____ tarikh _____ Aka _____			
HQ-E(S)/(803)/R3/05/2005- Migrasi's		Kertas Pertuduhan/Charge Sheet: MR. AZOOM AND QAMRI ULZAMAN - No. Pasport: KB83844		Matrikulasi Nombor _____ tarikh _____ Aka _____ Tangkap/Perintah No. _____ tarikh _____ Aka _____			
Nama orang yang dituduh/ dituduh adalah dan Alamat orang yang dituduh/ dituduh adalah dan Vill Krapa, Muhaba Khel, Däggär, Bunar, Pakistan.							
Pertuduhan/Charge: ADUAN POLIS SG. PELONG: 2791/05							
<p>Bawahan kamu pada 22 Disember 2005 jam lebih kurang 2.40 pagi di Lot 4261-3, Kg. Sungai Pelong, Batu 15 ½ Sungai Buloh, dalam Daerah Petaling, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan sebagai seorang Warganegara Pakistan dan Pemegang Pasport Pakistan No: KB83844 tanpa kuasa yang sah telah ada dalam milik kamu salu Pas lawatan (social) bertarikh 29 September 2004 palsu yang diendorskan di muka surat 27 pasport tersebut. Dengan ini kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 56(1)(i) Akta Imigresen 1959/63 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 56(1)(aa) dan Akta yang sama.</p>							
Tarikh dan tempat dilakukannya Golongan orang yang dituduh/ dituduh Return Date of Document (If applicable, leave blank)		20 —		Pukul Time	pagi AM		
Tanda Surian Waktu diketahui _____ State of name of Signature Warrant		Tandatangan pihak berkuasa mengikut Signature of authority involved		Yang Dipertua/Presiden Pendaftaran/Registar Majlis Bandaraya			
Duit bantuan jaminan Polis yang diberikan: Parcels & articles, ballot, etc.		Tarikh Jemputan Return date:		Rantau Cenderamati	Penyataan Penyataan Sama		
Jemputan Polis diamball/pada Polis/Polis takutan		20 20					
Nama pengudu (jika ada) Nama dan alamat tempat tinggal (jika ada)		TPPI HJH. NORMAH BINTI MOHAMAD		Nilai yang dibentuk bagi hasil pertukaran Alleged value of property involved			
Alamat pengudu (jika ada) Address of complainant (if any)		Bahagian Pengukuasa, Jabatan Imigresen Malaysia Putrajaya Wilayah Persekutuan.		22.12.2005			
<p>Itu pertuduhan dipenda pada bilangan mesej antara bantuan pertukaran yang diberikan dan maklumat di sini tidak selaras. If the charge is admitted at any stage, state or particulars of the suspended charges and facts here for view of accusation.</p>							
Tarikh diteras Date of service	22.12.2005	Tarikh bantuan pertukaran Date of free appearance	04.01.2006	Kategori orang yang dilulus Category of granted	Pakistan	Umur orang yang dilulus Age of granted	48thn.
Rujukan File	Bantuan/Item Permittee of free access		Nombor file File Brand No.		Ciri Attribute		
Wajah Merahan No dan Tarikh utk diluluskan Kemaskini/Permohonan No. and Date of issue		Jika bantuan/jimmas diberi, tulish berpasangan (jika salah satu waja, date of release)					
Pegawai atau perwira pendakwa Prosecuting Advocate or officer				Pegawai pembela Defending Advocate			
Pengetahuan Admission				Penggal Findings			
Hingga tarikh To date		Tarikh tuntutan Review		Tandatangan/tanda Signed		Saya yang ditulis (mewakilkan file file result) berdasarkan Pengetahuan/Admission/Findings of prosecutor (Unless otherwise specified)  Keterangan bukti, berdasarkan buktiman bukti dan bukti klasik hasil temuan file in question (Unless file, evidence presented)	
						Nakema dilihat bantuan pertukaran diberikan Statement and/or order are to hand	
Tarikh menuntutkan pembentukan Gate of termination of proceeding						Olembaga Signed	
Rasmi diterima No. File Receipt No		Wajah Memperbaiki No. Warrant of Correction No					
						Yang Dipertua/Presiden Majlis Bandaraya	

**Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia**

<b>Lampiran F (Muka Belakang)</b> <small>Format Format Format Format Format Format Format Format Format Format</small>																		
<b>PENANGGUHAN RECEIVERMENTS</b>																		
<p style="text-align: center;">Tarikh hadiah permaisuri Date of receipt of writ  No. permaisuri hadiah No. of receipt of writ</p>	<p style="text-align: center;">Keterangan tentang sifat hadiah Status of writ of receipt</p>	<p style="text-align: center;">Umur warga negara yang telah berasal dari kerajaan Malaysia</p>	<p style="text-align: center;">Jumlah sumbangan kepadanya terdiri daripada perolehan PDRM</p>	<p style="text-align: center;">No. Benjawan/ Bull Bull No. / No. of receipt</p>	<p style="text-align: center;">No. Warna Aturad dan tarikh dicatat Received No. and date of note</p>	<p style="text-align: center;">Hasil kepentingan terdiri daripada perolehan PDRM</p>	<p style="text-align: center;">Tarikh penilaian dimulakan Date of termination of procedure</p>	<p style="text-align: center;">No. rekod denda* Fine receipt No.</p>	<p style="text-align: center;">Tembakan tinggi height</p>									
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										1	2	3	4	5	6	7	8	9
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
										-	-	-	-	-	-	-	-	-
-	-	-	-	-	-	-	-	-										
<i>Dibuat dengan tangan - Signed:</i>																		
<i>Yang Dipercaya/Presiden Majistret/Majistrate</i>																		
<p>No. Rayuan dikemaskini pada Waktu pengurusan filed on</p>		<p>Catatan kerjasama dimulai pada Notes of evidence requisitioned on</p>		<p>Alasan kerujukan dilihuti pada Grounds of discharge supplied on</p>		<p>Keterangan amuk dicimpan Analityc in pos object:</p>												
<p>No. berkas Catatan dilantik pada Waktu pengurusan deposited on</p>		<p>Rekod teknikal dilantik pada Perakitan perintah on</p>		<p>Mohonlah Tinggi Siri No. High Court Serial No.</p>		<p>Yang Dipercaya/Presiden Majistret/Majistrate</p>												
<i>Kepertua rayuan President of appeal</i>																		
<i>Uthas/pena Signature</i>																		
<i>Ketua Mahkamah Chief of court</i>																		
<i>Keterangan amuk dicimpan Analityc in pos object:</i>																		
<i>Yang Dipercaya/Presiden Majistret/Majistrate</i>																		

JANGAN TULIS DALAM MARGA NANGAN INI  
DO NOT WRITE IN THIS MARGIN

**LAMPIRAN G**

**FAKTA KES**

- Balai/No. Pengaduan : Balai Polis Mancis/No. Report: 176/2003 dan 81/2003
- Tarikh/Masa : 24 Februari 2003 jam 1635 Hrs dan 25 Februari 2003 jam 1800 Hrs
- Pengadu Pengawas : 1. Mohamad Farid bin Ghazali (A1) Hutan, Pejabat Sub-Renjer Simpang Pelangai.  
2. Yaakub bin Awang Dollah (A7) Renjer Hutan Tingkatan Kanan, Unit Penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Kuantan
2. Pada 24hb Februari 2003 jam 8.30 pagi, pengadu bersama-sama PHTB Mazlan bin Abd. Malik (A2), PRAK Nordin bin Zainal (A3), PRAK Abu Hassan bin Hamzah (A4) dan Pemandu Ahmad bin Teh (A5) telah membuat rondaan di Hutan Simpan Kekal (G.S.K) Kemasul Tambahan. Dalam rondaan ini pengadu telah terjumpa satu jalan yang pada anggapan pengadu merupakan jalan pengeluaran kayu balak. Pengadu mensyaki suatu pencerobohan sedang berlaku kerana pada ingatan beliau tiada lesen pembalakan yang dikeluarkan di kawasan tersebut.
3. Apabila sampai ke dalam H.S.K. Kemasul Tambahan pengadu telah berjumpa dengan satu longgokan kayu balak berhampiran sempadan luar H.S.K. tersebut dan satu lagi longgokan kayu balak di dalam H.S.K itu sendiri. Pengadu juga telah berjumpa dengan sekumpulan pekerja yang bersiap sedia untuk bekerja, dimana ada yang sedang mengasah mata 'chainsaw' dan ada yang sedang memeriksa bulldozer. Kedapatan juga berhampiran mereka 2 buah bulldozer.
4. Pengadu seterusnya meminta kumpulan pekerja untuk menunggu ditempat tersebut sementara pengadu keluar ke pekan Mancis untuk memohon bantuan anggota polis dari Balai Polis Mancis. Jam 14.20 petang, pengadu bersama-sama anggota polis memasuki ketempat kejadian semula dan seterusnya membuat tangkapan ke atas 4 orang suspek yang masih berada ditempat kejadian. Mereka ialah:-

- a) Siow Ah Kow (No. KP: 461209-05-5195 (B1))
  - b) Son Soi Moy (No. KP: 480102-01-5525 (B2))
  - c) Yeow Ah Min (No. KP: 440303-05-5105 (B3))
  - d) Kwong Fook Wan (No. KP: 570303-06-5069 (B4))
5. Siasatan lanjut oleh pengadu disekitar tempat kejadian telah berjumpa 2 buah lagi bulldozer. Selain dari itu, pengadu juga telah menjumpai dan merampas barang-barang berikut:-
- i) 5 tong minyak 5 liter (D3/6)
  - ii) 2 tong minyak 18 liter (D3/7)
  - iii) 3 tong dram berisi minyak (D3/8)
- Rampasan adalah seperti Mancis Repot No. 176/2003
6. Pengadu kedua (A7) yang diminta untuk membantu menjalankan siasatan telah pergi ke tempat kejadian pada 25hb Februari 2003 jam 8.00 pagi. Turut bersama pengadu adalah PHTB Nosri bin Kassim (A8), PHTB Azizi bin Jani (A9), PHTB Mat Junoh bin Jusop (A10), dan Pemandu Mat Isa bin Basseri (A11).
7. Pada siasatan ini pengadu kedua telah berjumpa dengan sebuah lagi bulldozer serta 3 longgokan kayu balak di dalam H.S.K. Kemasul Tambahan. Beliau seterusnya telah merampas dan menyita kelima-lima bulldozer yang dijumpai ditempat kejadian. Bulldozer-bulldozer tersebut adalah seperti berikut:
- a) Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220-26107443
  - b) Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220C1-26111378
  - c) Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220-26101369
  - d) Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 26176133
  - e) Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220-26136911

Rampasan adalah seperti Mancis Repot 181/2003

8. Hasil siasatan menyeluruh ditempat kejadian juga telah menjumpai sebanyak 394 tual kayu balak pelbagai jenis dan saiz yang telah dilonggokan di sebanyak 5 lokasi berbeza. Hasil pengiraan cukai gantirugi yang terlibat adalah sebanyak RM 138,063.22, ses pula sebanyak RM 4861.30 dan cukai/royalti adalah sebanyak RM 5481.41. Pengiraan nilai gantirugi ini adalah berdasarkan harga semasa yang dikeluarkan oleh ASPA seperti Pekeliling Pengarah Perhutanan Negeri Pahang Bil.2/96. Kadar cukai/royalti pula adalah seperti didalam Kaedah Hutan 1987, Jadual Kedua sementara kadar ses pula adalah berdasarkan Kaedah Hutan 1987, Jadual Ketiga.
9. Siasatan di Pejabat Perhutanan Negeri Pahang dan Pejabat Hutan Daerah Bentong mendapati bahawa tiada sebarang kebenaran atau lesen membalak atau lesen pemindah untuk mengeluarkan balak diberi kepada suspek-suspek berkenaan. Suspek-suspek berkenaan juga gagal untuk mengemukakan Permit untuk memasuki H.S.K.
10. Pegawai Penyiasat telah menjalankan siasatan keatas pemilik kelima-lima buah bulldozer yang disita. Hasil siasatan adalah seperti berikut:-
  - a)
    - i) Bulldozer nombor : 1
    - ii) No. Enjin Bulldozer : NH 220-26107443
    - iii) Nama Pemilik : Damak Engineering Works
    - iv) Nama rakan kongsi : Har Kam Seun – A17 yang disoal siasat dan diambil rakaman percakapannya
    - v) Kenyataan-kenyataan yang diberi dalam rakaman percakapan:
      - Berkongsi bermiaga dengan Kwong Fook Wan (OKT) – B4  
Sia Siew Eng  
Tew Chun Kiat
      - Bulldozer No. 1 dikendalikan dan dijaga oleh Kwong Fook Wan (OKT – B4) semenjak ianya dibeli dan sehinggalah ditahan didalam kes ini.

- vi) Encik Kwong Fook Wan ditangkap didalam kes ini.
- b) i) Bulldozer Nombor : 2  
ii) No. Enjin Bulldozer : NH 220C1-  
26111378  
iii) Nama Pemilik : Hew Kiew – A19  
(Mengikut rakan percakapan)  
iv) Kenyataan-kenyataan yang diberi dalam rakan percakapan:  
  - Pada 22.2.2003 telah membawa Bulldozer No.2 ke tempat kejadian.
  - Pada 24.2.2003 iaitu tarikh pengesanan kes Encik Hew Kiew sedang memeriksa 'Winch' Bulldozer No. 2 didalam hutan untuk persiapan menarik kayu balak.
  - Encik Hew Kiew menyatakan dua orang yang bernama Ah Soon dan Mr. Lee telah meminta beliau bekerja di tempat kejadian.

v) Encik Hew Kiew tidak ditangkap didalam kes ini kerana pada masa serbuan dijalankan beliau tidak berada di tempat kejadian.

c) i) Bulldozer Nombor : 3  
ii) No. Enjin Bulldozer : NH 220-26101369  
(Mengikut JPJ Cawangan Temerloh sebagaimana surat bil.(28)dlm. JPJ.07.3/103/7 Jld.2 bertarikh 13.8.2003, nombor ini tidak wujud)

iii) Nama Pemilik : Kuan Hing (Tiada)

maklumat dari pihak  
JPJ Cawangan  
Temerloh)

iv) Kenyataan-kenyataan yang diberi dalam rakaman percakapan:

- Pada 22.2.2003 telah membawa Bulldozer No. 3 ke tempat kejadian.
- Pada 24.2.2003 iaitu tarikh pengesanan kes Encik Kuan Hing sedang memeriksa 'Winch' Bulldozer Nombor 3 didalam hutan untuk persiapan menarik kayu balak.
- Encik Kuan Hing menyatakan dua orang (2) orang bernama Ah Soon dan Mr. Lee telah meminta beliau bekerja di tempat kejadian.

v) Encik Kuan Hing tidak ditangkap didalam kes ini kerana pada masa serbuan dijalankan beliau tidak berada di tempat kejadian.

d)  
i) Bulldozer Nombor : 4  
ii) No. Enjin Bulldozer : NH 26176133  
iii) Nama Pemilik : Yong Kian Chon  
iv) Kenyataan-kenyataan yang diberi dalam rakaman percakapan:

- Pada Bulan Februari 2003 Bulldozer kepunyaan En. Yong Kian Chon – A20 telah disewakan kepada orang yang bernama Ah Soon untuk buat kerja balak di Mancis dengan bayaran sewa RM 30.00 bagi setiap tan.
- En. Yong Kian Chon sendiri telah menghantar Bulldozer ini ke tempat kejadian semasa hendak memulakan kerja.
- Beliau tidak berapa kenal dengan Ah Soon dan bersetuju menyewanya setelah mendapat sokongan dari bapanya bernama Yong Wi Pun.

- v) Encik Yong Kian Chon tidak ditangkap didalam kes ini kerana pada masa serbuan dijalankan beliau tidak berada ditempat kejadian.
- e) i) Bulldozer Nombor : 5  
ii) No. Enjin Bulldozer : NH 220-26136911  
iii) Nama Pemilik : Sioh Ah Kow – B1  
iv) Kenyataan-kenyataan yang diberi dalam rakan percakapan:
- Bulldozer No. 5 adalah kepunyaan beliau dan dibawa ke Mancis pada bulan Februari 2003 untuk buat kerja balak.
  - Beliau sendiri memandu Bulldozer No. 5 semasa membuat kerja balak di kawasan kejadian.
  - Beliau akan mendapat upah RM 30.00 setiap tan kayu balak yang ditarik keluar dan seorang kontraktor bernama Ah Soon yang memberi janji tersebut.
- v) Encik Sioh Ah Kow telah ditangkap dalam kes ini.
- ii) Oleh itu keempat-empat (4) suspek telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan jika bersabit kesalahan boleh dihukum di bawah Seksyen 15(2) akta yang sama.

### SENARAI BARANG KES

1. Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220-26107443
2. Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220C1 - 26111378
3. Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220-26101369
4. Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 26176133
5. Bulldozer, jenis Komatsu, No. Enjin: NH 220-26136911
6. Lima (5) tong minyak 5 liter
7. Dua (2) tong minyak 18 liter
8. Tiga (3) tong dram berisi minyak
9. 394 tual balak berbagai jenis dan saiz
10. Mancis Repot No. 176/2003 dan 181/2003
11. Pelan latar dan Pelan lokasi tempat kejadian
12. Gambar-gambar berserta negatif tempat kejadian
13. Pelan Warta Hutan Simpan Kemasul Tambahan



## Saman Kepada Saksi (Sapina)

DALAM MAHKAMAH SESYEN TEMERLOH  
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKmur

(70)

TSA NO: 62-30-2002

ANTARA

PENDAKWA RAYA  
DAN  
CHONG AH TEE (ORANG KENA TUDUH)

**HUJAH BERTULIS PENDAKWA DI AKHIR KES PENDAKWAAN**

1. Tindakan pendakwaan ini adalah terhadap Orang Kena Tuduh (OKT) bernama Chong Ah Tee (No. KP: 401120-01-5061) di bawah pertuduhan iaitu " Bahawa kamu pada 21 Ogos 2001, lebih kurang jam 3.30 petang, di Hutan Simpanan Kekal Berkelaht, dalam Daerah Maran, iaitu dalam lingkungan  $03^{\circ} 43' U$  dan  $102^{\circ} 59' T$  serta  $03^{\circ} 44' U$  dan  $102^{\circ} 55' T$  dalam Negeri Pahang Darul Makmur telah didapati berada di dalam kawasan tersebut serta mengambil hasil hutan tanpa kebenaran dan lesen yang sah oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, atau Pihak Berkuasa Negeri. Maka dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) (a), Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 15 (2) dan 15 (3) Akta yang sama."
2. Hukuman jika disabitkan kesalahannya boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak melebihi dua puluh tahun. Sebagai tambahan kepada hukuman di atas, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan ke atas sabitan itu, diperintahkan membayar berkenaan dengan apa-apa hasil hutan yang diambil secara menyalahi undang-undang, kepada Pihak Berkuasa Negeri:-
  - (a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses;
  - (b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu; dan
  - (c) apa-apa caj-caj lain yang kena dibayar.

2. Pendakwa telah merigemukakan 8 orang saksi yang telah memberi keterangan serta mengangkat sumpah, manakala empat(4) lagi saksi-saksi lain iaitu Penjawas Hutan Abu Kasim bin Muhamad, Pengawas Hutan Mohd Idris bin Hassan, pemandu Karim bin Abu Talib dan pemandu Roslan bin Kechik, tidak dipanggil tetapi telah ditawarkan kepada pihak pembelaan.

3. Berdasarkan keterangan saksi-saksi serta keseluruhan bukti-bukti yang telah dikemukakan dalam mahkamah, pendakwa mendapat wujud *prima facie* kes ke atas OKT kerana telah melanggar Seksyen 15(1), Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu:

“Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa hasil hutan dari hutan simpanan kekal atau tanah Kerajaan kecuali –

- (a) di bawah kuasa suatu lesen, lesen kecil atau permit penggunaan; atau
- (b) mengikut mana-mana undang-undang berfulis lain.”

4. Pendakwa mendapat wujud *prima facie* kes ke atas OKT dan telah dikemukakan dalam mahkamah berdasarkan alasan-alasan berikut:-

- i. Tempat kejadian telah dibuktikan memang sah berada di dalam Hutan Simpanan Kekal berdasarkan tanda plat hutan simpan di tapangan oleh SP 1, SP 3 dan SP 8 telah mengakui bahawa Ekshibit P7 dan P12 disediakan oleh beliau sendiri, oleh itu kedua-dua Ekshibit tidak perlu diakui sah kandungannya dan bahawa kedua-dua dan dianggap adalah tepat mengikut Seksyen 104 (b) Akta Perhutanan Negara 1984 dan Seksyen 65 (1)(c), 70 dan 83(1) Akta Keterangan 1950. Mengikut keterangan dalam mahkamah, Ekshibit P12 disediakan berdasarkan rujukan peta topo yang jelas menunjukkan kedudukan grid degrees dan minit seperti dalam pertuduhan.
- ii. OKT sendiri berada dan ditahan di tempat kejadian tanpa membuktikan atau telah gagal membuktikan beliau mempunyai suatu lesen maka dianggap telah mengambil atau mengalih hasil hutan tanpa lesen atau permit mengikut Seksyen 104 (d), Akta Perhutanan

(73)

Negara1984. OKT juga tidak memenuhi kehendak Seksyen 105 dan 106 Akta Keterangan 1950.

- iii. OKT berada di tempat kejadian bersama-sama jentera-jentera dan dianggap telah menggunakan jentera-jentera ini untuk mengambil dan memindahkan hasil hutan mengikut Seksyen 104 (e), Akta Perhutanan Negara 1984.
- iv. OKT telah mengambil hasil hutan iaitu yang dimaksudkan hasil hutan adalah sepetimana tafsiran "mengambil" dan "hasil hutan" dalam Seksyen.2(1) Akta Perhutanan Negara 1984.
- v. Ekshibit P1 iaitu bukti cetakan komputer senarai tual balak dan tunggul kayu yang telah ditebang di tempat kejadian adalah berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal dan adalah mengikut Seksyen 90A(1) Akta Keterangan 1950. Senarai tual balak dan tunggul kayu telah dapat disediakan mengikut Seksyen 64 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) tetapi tiada tandatangan SP1. Walaubagaimanapun pengakuan SP1 dalam mahkamah tertanggung penyempurnaan dokumen ini oleh beliau sendiri adalah bukti yang cukup mengenai penyempurnaannya mengikut Seksyen 70 Akta Keterangan 1950.
- vi. Ekshibit P2(Gambang Report 567/01 bertarikh 22/8/2001) dan Ekshibit P4 (Gambang Report 578/01 bertarikh 26/8/2001) adalah sebahagian daripada bukti-bukt yang dikemukakan kepada mahkamah dan memenuhi kehendak Seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) bagi memperjelaskan keadaan sebehar yang dijumpai di tempat kejadian.

**Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia**

---

- (FH)
- vii. Ekshibit P3 telah diambil tindakan pemindahan ke Kompleks Kemunting, Kuantan serta gambar-gambarnya bukan diambil di tempat kejadian, tetapi diambil oleh SP 3 di Kompleks Kemunting, Kuantan. Oleh itu, Ekshibit P3 kes tidak dicam oleh SP5, SP 6, SP 7 dan SP 8. Adalah memadai Ekshibit P3 dicam serta ditender kepada mahkamah semasa keterangan yang telah diberikan oleh SP3.
- viii. Pendakwa telah memperolehi surat pemberian kuasa untuk menjalankan pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Pahang bertarikh 30 Mei, 2005, bagi menjalankan pendakwaan mengikut Seksyen 377(b) Kapun Prosedur Jenayah dan Seksyen 103 Akta Perhutanan Negara 1984. Salinan surat pemberian kuasa ini yang diakui sah ada disertakan bersama-sama ini pada bahagian Rujukan Hujah Bertulis ini.

(75)

Alasan I

Tempat kejadian adalah memang sah dan jelas merupakan Hutan Simpanan Kekal yang dikenali sebagai Hutan Simpanan Kekal Berkelah. Berdasarkan dalam keterangan di mahkamah, plat tanda Hutan Simpan Berkelah ini dilihat di lapangan oleh saksi pendakwa(SP) iaitu oleh SP 1, SP 3 dan gambar plat Hutan Simpan ini diambil dan dicam oleh SP 8 serta ditender sebagai ekshibit P8a dan P8b . SP 1 telah mengesahkan satu kes kesalahan hutan iaitu mengambil hasil hutan tanpa lesen di Hutan Simpan Berkelah, Mukim Lepar, terletak di jalan menuju ke Hutan Lipur Jerangkang, dalam daerah Maran, Pahang.

Dalam keterangan di mahkamah, SP1 begitu pasti lokasi kejadian adalah Hutan Simpan Berkelah kerana beliau sendiri adalah Renjer Hutan yang bertanggungjawab bagi kawasan Maran sejak tahun 1998 dan tempat kejadian adalah di bawah pentadbiran beliau sendiri. Tempat kejadian telah digambarkan dalam pelan lakar iaitu ekshibit P7 dan Pelan Lokasi iaitu ekshibit P12. Dalam keterangan di mahkamah, SP 8 sendiri telah mengakui bahawa Ekshibit P7 dan P12 disediakan oleh beliau sendiri, oleh itu kedua-dua Ekshibit tidak perlu diaku sah kandungannya dan bahawa kedua-dua dan dianggap adalah tepat mengikut Seksyen 104 (b) Akta Perhutanan Negara 1984 dan Seksyen 65 (1)(c), 70 dan 83(1) Akta Keterangan 1950. Mengikut keterangan dalam mahkamah, Ekshibit P12 disediakan berdasarkan rujukan peta topo yang jelas menunjukkan kedudukan grid degrees dan minit seperti dalam perituduhan.

### Alasan II

OKT sendiri berada dan ditahan di tempat kejadian tanpa membuktikan atau telah gagal membuktikan dan/atau gagal menunjukkan beliau mempunyai suatu lesen atau kebenaran mananya undang-undang bertulis lain maka OKT telah melanggar Seksyen 15(1) Akta Perhutanan Negara 1984. OKT dianggap telah mengambil atau mengalih hasil hutan tanpa lesen atau permit mengikut Seksyen 104 (d), Akta Perhutanan Negara 1984. OKT juga tidak memenuhi kehendak Seksyen 105 dan 106 Akta Keterangan 1950 di mana OKT gagal membuktikan beliau mempunyai lesen daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Dalam keterangan di mahkamah, Renjer Hutan Abdul Wahap bin Sulaiman (SP 1) telah mengarahkan Pengawas Hutan, Encik Dahlan bin Mustafa, iaitu saksi pendakwa kedua (SP 2) mengambil butiran pengenalan sembilan(9) orang pekerja yang ditahan kerana berada di tempat kejadian, tetapi SP 2 memberi keterangan di mahkamah bahawa hanya dua(2) orang sahaja yang menunjukkan kad pengenalan, iaitu OKT bernama Chong Ah Tee (No. KP: 401120-01-5061) dan pemandu bulldozer Yeong Onn Kuang (No. KP: 530212-05-5221), iaitu saksi pendakwa ketujuh( SP 7) manakala tujuh(7) orang pekerja didapati tidak membawa kad pengenalan.

Pemeriksaan lanjut di tempat kejadian pada hari yang sama iaitu 21/8/2001, jam lebih kurang 4.30 petang diketuai oleh Penolong Pegawai Hutan Daerah Kuantan iaitu Encik Muhammad Sayuti bin Yusoff iaitu SP 3 yang juga merupakan pegawai atasan kepada Renjer Hutan Abdul Wahap bin Sulaiman (SP 1). Sebagai pegawai yang daerah pentadbirannya termasuk daerah Maran, SP 3 telah mendapat aktiviti mengambil hasil hutan ini dilakukan tanpa mempunyai lesen dari Jabatan Perhutanan Negeri Pahang.

Dalam keterangan beliau di mahkamah, Sp 3 juga telah berjumpa dan mengira jumlah pekerja yang berada di tempat kejadian, menurut beliau 9

(7A)

orang pekerja ini hanya berada dalam jarak lebih kurang 10 kaki dari beliau. Semasa memberi keterangan di mahkamah, SP 3 juga telah dapat mengecam OKT hadir di mahkamah dan OKT memang berada di tempat kejadian. Seterusnya SP 3 bertindak sebagai pengadu telah membuat satu laporan Polis seperitmanya terkandung dalam Gambang Report No. 567/01 pada 22.8.2001 yang ditanda sebagai P 2.

### Alasan III

OKT berada di tempat kejadian bersama-sama jentera-jentera iaitu empat buah bulldozer, sebuah pacuan empat roda Toyota Hilux dan enam buah gergaji rantai. OKT dianggap telah menggunakan jentera-jentera ini untuk mengambil dan memindahkan hasil hutan mengikut Seksyen 104 (e), Akta Perhutanan Negara 1984. Pada hari sama iaitu 21/8/2001 telah disita tiga(3) buah bulldozer iaitu (i) jenis KOMATSU, No. Pendaftaran WBW 2591, No. enjin NH220C1-26140720; (ii) CATERPILLAR D60 No. Pendaftaran WDB 8500, No. enjin 99J1133; dan (iii) KOMATSU D60, No. Pendaftaran WAX 4500, No. enjin NH220-1271N41220.

Pemeriksaan seterusnya dilakukan oleh SP 3 iaitu Encik Encik Muhammad Sayuti bin Yusoff di tempat kejadian dan telah menemui beberapa buah lagi jentera iaitu sebuah lagi Bulldozer jenis KOMATSU D60, No. Pendaftaran WBQ 4399, No. enjin NH220-26122545, sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux berwarna putih No. Pendaftaran CAJ 7326 dan enam(6) buah gergaji rantai(chainsaw) seperitmanya laporan Polis yang dibuat kali kedua iaitu Gambang Report No. 578/2001 bertarikh 26.8.2001 yang telah ditender P4.

78

Saksi pendakwa keempat (SP 4), Norman bin Said telah mengaku dalam keterangan beliau di mahkamah bahawa OKT telah mengupah beliau bekerja sebagai penarik cable atau "lum" yang dililit pada kayu balak untuk ditarik dengan bulldozer.

Berdasarkan keterangan dalam mahkamah oleh pemilik-pemilik bulldozer, iaitu saksi pendakwa kelima (SP 5), nama Low Tien Sia (No. KP: 490707-08-6077) dan saksi pendakwa keenam (SP 6), nama Low Seng Fatt, (No. KP : 651020-06-5223), serta berdasarkan dokumen-dokumen Perjanjian Kenderaan yang kedua-dua saksi ini telah tandatangani dengan OKT, kedua-dua perjanjian tersebut adalah Ekshibit P 5 dan P 6, didapati OKT telah menggunakan Bulldozer kepada bertujuan mengambil hasil hutan di tempat kejadian.

Manakala saksi pendakwa ketujuh (SP 7), Yeong Onn Kuang dalam keterangan beliau di mahkamah telah mengaku beliau sebagai pemandu bulldozer telah diupah oleh OKT. Dalam keterangan di mahkamah, SP 4, SP 5, SP 6 dan SP 7 telah mengecam tertuduh yang hadir di mahkamah adalah merupakan orang yang berurusan dengan mereka.

#### Alasan IV

OKT telah mengambil hasil hutan iaitu yang dimaksudkan hasil hutan adalah sepetimana tafsiran "mengambil" dan "hasil hutan" dalam Seksyen 2(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Bukti hasil hutan diambil serta dirosakkan apabila didapati tunggul-tunggul pokok di tempat kejadian melalui keterangan saksi pendakwa kelapan (SP 8) apabila beliau telah mengecam gambar tunggul-tunggul kayu seperti ekshibit P9a dan 9b dan gambar longgokan-longgokan kayu seperti ekshibit P 10a dan 10b yang diambil oleh SP 8. Kedudukan longgokan-longgokan kayu di tempat kejadian adalah seperti dalam pelan latar iaitu ekshibit P7. Bukti hasil hutan diambil adalah Ekshibit P1 iaitu senarai 776 tual kayu balak

(79)

menunjukkan bahagian daripada pokok-pokok yang telah diambil di tempat kejadian. Tafsiran "mengambil" mengikut Seksyen 2 (1), Akta Perhutanan Negera 1984 ialah "berhubungan dengan hasil hutan termasuklah setiap aktiviti yang terlibat dalam –

- (a) pengusahahasilan, pemungutan, penorehan, perlombongan, penguarian atau pemindahan apa-apa hasil hutan;
- (b) pencacatan atau perosakan hasil hutan; atau
- (c) peragutan ternakan di atas hasil hutan."

Dalam kes ini, melalui keterangan saksi-saksi pendakwa, OKT jelas didapati telah menyebabkan berlakunya aktiviti pengusahahasilan, pencacatan atau perosakan hasil hutan kerana pokok-pokok telah dirosakkán iaitu terpisah menjadi tunggul-tunggul pokok dan tual-tual kayu-kayu balak serta terdapat aktiviti pemindahan hasil hutan kerana kayu-kayu balak telah dikumpul menjadikan longgokan kayu balak.

Berdasarkan keterangan dalam pelan laka iaitu Ekshibit P7 yang disediakan oleh SP 8, dan berdasarkan kedudukan serta gambar longgokan kayu(ditender Ekshibit P10a,10b), beberapa bulldozer, Toyota Hilux, lokasi-jokasi gergaji berantai yang dijumpai serta gambar tunggul-tunggul balak(ditenderEkshibit P 9a,9b) di dalam tempat kejadian, jelas menunjukkan memang berlaku aktiviti mengambil hasil hutan terletak dalam kawasan Hutan Simpan. Hasil siasatan SP 8 dapat mengecam tertuduh hadir di mahkamah dan mendapati tertuduh mengambil hasil hutan tanpa lesen yang dibenarkan oleh Kerajaan. Hasil siasatan beliau di pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Pahang dan juga di lapangan didapati aktiviti mengambil hasil hutan tersebut dijalankan dalam Kompartmen 358 Hutan Simpan Berkelah, dalam daerah Maran, Pahang tanpa lesen dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri, Pahang.

(80)

Alasan V

Ekshibit P1 iaitu bukti cetakan komputer senarai tual balak dan tunggul kayu yang telah ditebang di tempat kejadian adalah berada di dalam kawasan hutan simpanan kekal dan adalah mengikut Seksyen 90A(1) Akta Keterangan 1950. Tual-tual balak dan tunggul-tungggul kayu ini merupakan barang kes yang besar, berat dan tidak dapat diubah atau pindahkan dengan cepat serta mudah. Memandangkan tual-tual balak dan tunggul-tungggul adalah dalam kuantiti yang banyak serta mengambil kira faktor keadaan atau suasana kawasan hutan yang luas di kawasan kejadian, keterangan di mahkamah oleh saksi pendakwa yang pertama (SP1) telah mengambil masa yang panjang untuk menjalankan kerja-kerja mengukur tual-tual balak dan tunggul-tungggul kayu iaitu pada 27 Ogos 2001 sehingga kerja-kerja ini selesai pada 5 September 2001. Walaubagaimanapun senarai tual balak dan tunggul kayu telah dapat disediakan mengikut Seksyen 64 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) tetapi tiada tandatangananya. Walaubagaimanapun pengakuan SP1 dalam mahkamah tentang penyempurnaan dokumen ini oleh beliau adalah bukti yang cukup mengenai penyempurnaan mengikut Seksyen 70 Akta Keterangan 1950.

Mengikut Seksyen 14 dan 104(a) Akta Perhutanan Negara 1984, segala hasil hutan yang berada, terletak atau berasal dalam hutan simpanan kekal adalah menjadi harta Pihak Berkuasa Negeri. Penggeledahan tidak dibuat ke atas premis yang dipunyai atau dihuni oleh OKT dimana memerlukan keberianan penghuni tempat itu, atau sesiapa yang mewakili pihaknya hadir semasa penggeledahan itu, dan apabila diminta penghuni atau wakilnya, satu salinan daftar yang disediakan untuk ditandatangani mengikut kehendak Seksyen 65 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593). Siasatan di tempat kejadian juga mendapat tertuduh telah mengambil hasil hutan sejumlah 776 tual kayu balak dengan nilai sejumlah RM 288,428.25 seperti mana yang ditender sebagai P1.

(8c)

Alasan VIII

Memandangkan Pegawai Pendakwa bagi kes ini adalah dari Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, pendakwa telah memperolehi surat pemberian kuasa untuk menjalankan pendakwaan daripada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Pahang bertarikh 30 Mei, 2005, bagi menjalankan pendakwaan mengikut Seksyen 377(b) Kanun Prosedur Jenayah dan Seksyen 103 Akta Perhutanan Negara 1984. Salinan surat pemberian kuasa ini yang diakui sah ada disertakan bersama-sama ini pada bahagian Rujukan Hujah Bertulis ini.

82

5. Berdasarkan keterangan semua saksi pendakwa serta mengambilkira bukti-buktii yang telah dikemukakan kepada mahkamah, oleh itu pendakwa mendapat wujud *prima facie* kes ke atas OKT.

6. Selaras dengan kepekaan serta kesedaran masyarakat tentang perihal pentingnya hutan untuk keindahan dan kestabilan alam sekitar serta untuk generasi kita akan datang, tambahan pula tempat kejadian terletak berdekatan jalan menuju ke pusat tarikan pelancong iaitu Hutan Lipur Jerangkang, Maran; di mana melibatkan kepentingan umum, *public interest*, dengan ini dipohon perhatian Yang Arif dalam mahkamah yang mulia ini, supaya kes ini dipertimbangkan agar menjadi contoh tauladan umum pada masa hadapan.

Sekian.



28/7/2006

RIDZUAN BIN SALLEH,  
Pegawai Pendakwa,  
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang,  
b.p. Timbalan Pendakwa Raya Negeri Pahang.

(84)

Rujukan

1. Seksyen 14 dan 15, Akta Perhutanan Negara 1984.
2. Seksyen 2, Akta Perhutanan Negara 1984.
3. Seksyen 104, Akta Perhutanan Negara 1984.
4. Seksyen 65 (1) (c), Akta Keterangan 1950.
5. Seksyen 70, Akta Keterangan 1950.
6. Seksyen 83, Akta Keterangan 1950.
7. Seksyen 105, 106; Akta Keterangan 1950.
8. Seksyen 90A, Akta Keterangan 1950.
9. Seksyen 64, 65, Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).
10. Seksyen 107, Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).
11. Salinan Surat Pemberian Kuasa Untuk Menjalankan Pendakwaan Daripada Timbalan Pendakwa Raya Negeri Pahang Darul Makmur.

LAMPIRAN K

**KES TANGKAPAN DALAM MAHKAMAH MAJISTRET KEMAMAN  
DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN  
PP Iwn UTAMA VIEW SERVICES SDN. BHD.**

NO. KES: K83-16-2004

**PENGHUJAHAN PEGAWAI PENDAKWA  
DI AKHIR KES PEMBELAAN**

Yang Arif Tuan Hakim,

Tertuduh Syarikat Utama View Services Sdn. Bhd. diwakili oleh Hj. Mohd. Noor bin Omar telah dituduh di bawah kesalahan Sek. 55E(1) Akta Imigresen 1959/63 kerana sebagai pihak yang bertanggungjawab mengawal premis berupa Tapak Projek Cadangan Pembangunan Kompleks Perumahan PDRM 220 Unit di atas lot-lot 1235, 1747 & 1748, Bukit Mentok, Mukim Chukai, Daerah Kemaman, Terengganu untuk PDRM, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah membenarkan seramai 13 orang PATI warganegara Indonesia memasuki premis tersebut pada 1 Oktober 2003 jam lebih kurang 3.00 pagi.

Perbicaraan telah dimulakan pada 27 Oktober 2004 di mana pihak Pendakwaan telah mengemukakan keterangan saksi seramai 14 orang dan sebanyak 14 Ekshibit dikemukakan kepada Mahkamah sepanjang perbicaraan dengan mengenalpasti empat (4) elemen atau intipati pertuduhan tersebut untuk membuat satu kes prima facie. Seterusnya pihak Pendakwaan telah menutup kesnya pada 29 Januari 2005.

Pada 23 Februari 2005, setelah mendengar keterangan saksi dan ekshibit yang dikemukakan dan juga setelah mempertimbangkan penghujahan bertulis Pembelaan dan Pendakwaan, Mahkamah dalam keputusannya telah memutuskan pihak Pendakwaan telah berjaya membuat satu kes prima facie ke atas 11 orang PATI warganegara Indonesia dengan mengenepikan Sutiah binti Sulai dan Romli dari pertuduhan asal.

Pertuduhan Pindaan adalah seperti berikut;

*Bahawa kamu Syarikat Utama View Services Sdn. Bhd. (506744-U) 3625, Taman Permintaan Indah, Dungun, Terengganu pada 1 Oktobher 2003 jam lebih kurang 3.00 pagi di Tapak Projek Pembinaan Perumahan PDRM 220 Unit di Kampung Bukit Mentok, Mukim Chukai, dalam Daerah Kemaman di dalam Negeri Terengganu, didapati telah membenarkan berada di dalam premis sebelas (11) orang warganegara Indonesia yang tidak memiliki Pas Lawatan Kerja yang sah iaitu;*

1. Khatijah (P:33 tahun)

2. *Fitri (P:26 tahun)*
3. *Misyono bin Pura'il (L:31 tahun)*
4. *Marsus bin Samsul (L:26 tahun)*
5. *Muhammad Ali (L:27 tahun)*
6. *Faruk Amir (L:45 tahun)*
7. *Hermantodi (L:24 tahun)*
8. *Saprijal (L:29 tahun)*
9. *Jamadi (L:42 tahun)*
10. *Danis Faesal (L:30 tahun)*
11. *Abdul Rauf (L:31 tahun)*

yang mana kamu sebagai orang yang menduduki premis tersebut adalah bertanggungjawab atau mempunyai kawalan ke atas premis tersebut. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 55E(1) Akta Imigresen 1959/63 (Pind.) 2002 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 55E(2) Akta yang sama.

Tertuduh kemudiannya dipanggil untuk membela diri setelah mengaku tidak bersalah ke atas Pertuduhan Pindaa. Kes pembelaan bermula pada 11 April 2005 dengan mengemukakan tiga (3) orang saksi iaitu DW1 – Hj. Mohd. Nor bin Omar (OKT), DW2 – Yusdi bin Zahari dan DW3 – Suhaimi Mahamad. Pihak Pembelaan juga cuba membawa masuk keterangan dokumen dalam usahanya untuk menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas tertuduh. Dokumen-dokumen tersebut ialah;

1. IDD15(A-L) – (12) salinan kad pengenalan Pekerja Yusdi bin Zahari;
2. IDD16(1-36) – (36) salinan kad pengenalan Pekerja Suhaimi Mahamad;
3. IDD17(1-29) – (29) salinan kad pengenalan Pekerja Harun;
4. IDD18(1-42) – (42) salinan Payment Voucher Yusdi bin Zahari;
5. IDD19(1-45) – (45) salinan Payment Voucher Suhaimi Mahamad;
6. IDD20(1-9) – (9) salinan Payment Voucher Harun.

Pihak Pembelaan kemudiannya telah menutup kesnya pada 16 Mei 2005 setelah memasukkan keterangan pembelaan mereka melalui DW1, DW2 dan DW3 serta IDD15(A-L), IDD16(1-36), IDD17(1-29), IDD18(1-42), IDD19(1-45) dan IDD20(1-9).

Yang Arif Tuan Hakim,

Pihak Pendakwaan dalam pengujahan di akhir kes Pembelaan ini ingin menyatakan bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pembelaan melalui saksi dan keterangan dokumen tidak memberikan kesan kepada pendakwaan apabila mereka gagal meyakinkan Mahkamah yang mulia ini untuk menafikan pertuduhan ke atas OKT. Pihak Pembelaan juga telah gagal sama sekali menimbulkan suatu keraguan yang munasabah ke atas kes ini apabila tidak menggunakan sepenuhnya ‘anggapan’ di bawah Seksyen 55E(1) Akta Imigresen 1959/63 iaitu;

Bagi maksud-maksud Seksyen ini, adalah dianggapkan , melainkan pertentangan dapat dibuktikan, bahawa seorang penduduk, dalam kes di mana seorang imigran haram dijumpai di premisnya-

- (a) telah membenarkan imigran haram itu untuk masuk atau tinggal di premis itu; dan
- (b) mempunyai pengetahuan bahawa orang itu adalah seorang imigran haram.

Manakala di bawah Subseksyen (4) kepada Seksyen 55E pula memperuntukkan;

*Anggapan-anggapan dalam Subseksyen (3) itu tidak boleh dicabar melainkan penduduk membuktikan bahawa dia telah mengambil semua langkah-langkah yang sewajarnya, termasuk semua langkah-langkah yang ditetapkan, untuk menghalang mana-mana imigran haram daripada masuk atau tinggal di premis itu.*

Adalah dinyatakan di sini bahawa pihak Pembelaan telah gagal sama sekali menafikan OKT telah membenarkan imigran haram itu masuk atau tinggal di premis tersebut dan telah gagal menafikan yang OKT mempunyai pengetahuan bahawa seramai (11) orang PATI warganegara Indonesia tersebut adalah imigran larangan. Keterangan yang dikemukakan oleh pihak Pembelaan sebenarnya menunjukkan bahawa OKT sebenarnya telah mengetahui (11) orang warganegara Indonesia adalah imigran haram dan telah membenarkan mereka memasuki dan tinggal di premis tersebut sebagai pekerja dan bekerja dengan Utama View Services Sdn. Bhd. di dalam kawasan tapak pembinaan projek tersebut.

Yang Arif Tuan Hakim,

Penghujahan pihak Pendakwaan adalah seperti berikut;

A. OKT ADALAH PIHAK YANG MEMBENARKAN IMIGRAN HARAM UNTUK MASUK ATAU TINGGAL DI PREMIS.

1. P5 bertarikh 19 November 2002 adalah 'Letter of Award for Supply Labour Only for Main Building Works Sub-Contract' dari GAJ Construction kepada Utama View Services Sdn. Bhd./OKT. Surat yang ditandatangan oleh Lee Shang Siong (SP6) selaku Contracts Manager GAJ kemudiannya dipersetujui oleh Haji Mohd. Noor bin Omar dari Utama View Services Sdn. Bhd./OKT dan ditandatangan pada 21 November 2002 dengan disaksikan oleh Mohamad Zaihan selaku jurukur GAJ. SP6 menyatakan surat ini dihantar kepada Utama View untuk membekalkan pekerja sahaja dan tidak untuk kontrak menyiapkan bangunan. Ianya terkandung di dalam clause 1-3 dalam dokumen itu.
2. Appendix 'A' di P5 adalah schedule of rate 'Supply labour only for main building works excluding M & E Work, tiling work, painting works,

aluminium & glazing works, plumbing works, fabrication and install roof truss bagi bangunan yang terbengkalai iaitu bagi Blok E, F dan G serta blok-blok baru iaitu C1, H, I, J, K, L, M, N, O, P, Q & R.

3. Selain daripada itu tidak ada dinyatakan apa-apa projek yang diberikan kepada OKT termasuk dakwaan Pembelaan yang mengatakan OKT juga sebagai Sub-Construction diberikan projek khusus untuk membina dan menyiapkan bangunan tersebut. Tidak ada dokumen yang menyokong dakwaan Pembelaan ini. DW1 dalam keterangan juga telah gagal menyokong dakwaan ini.
4. Dihujahkan di sini bahawa OKT tidak mempunyai suatu projek khusus yang diberikan kepadanya selain daripada membekalkan pekerja-pekerja untuk membina dan menyiapkan blok-blok bangunan yang baru dan yang terbengkalai.
5. SP3 – Abdul Rauf Abdul Rahman menyatakan di Malaysia bekerja di Bukit Mentok, Kemaman membersihkan kawasan dan tampil plaster dengan Pak Haji (OKT dicamkan). Belum pernah terima gaji sejak bekerja tapi pernah pinjam duit sebanyak RM500.00 dari OKT sendiri di kantin. Tujuan pinjaman duit adalah untuk buat belanja. Orang-orang yang bekerja di situ adalah warganegara Indonesia dan orang tempatan. Saksi kata dia seorang sahaja yang bekerja di bahagian tampil plaster dan tinggal di salah satu bangunan. Semasa kejadian turut ditangkap antara lainnya ialah Muhamad Ali, Faruk, Danis Faisal, Marsus, Hermantodi, Saprijal, Ramli dan Misyono. Saksi juga menjelaskan bahawa ketua tempat kerja adalah orang Melayu dan bekerja sama-sama di kawasan itu. Saksi ini juga tidak pasti siap taukeh mereka.
6. Dalam pemeriksaan balas pula SP3 kata tidak pernah terima gaji. Cuma diberi pinjam duit dari Pak Aji (OKT). Ada surat auan terima pinjaman tersebut, tetapi tidak sempat membawanya. "OKT tidak memberikan apa-apa arahan kerja kepada saya." SP3 juga menyatakan seorang lelaki bernama Mail (diperdayai kepala kerja) yang suruh saksi ini pinjam duit itu dari OKT dan tidak pernah pinjam duit dari Mai. Saksi ini juga memberitahu Mahkamah tidak setuju dengan cadangan peguam yang beliau tidak bekerja dengan OKT dan tidak setuju yang beliau bekerja dengan Harun. Saksi juga tidak kenal Harun.
7. SP4 pula dalam keterangan mendakwa sebagai warganegara Indonesia telah masuk ke Malaysia pada 14 Mei 2003 bertujuan masuk mahu jumpa keluarga. Kemudiannya bekerja di Bukit Mentok di Perumahan Polis sebagai tukang plaster dengan OKT.
8. SP5 dalam keterangan bekerja di Projek Perumahan Polis di Bukit Mentok, Kemaman. 13 orang yang ditangkap sekali bekerja di situ satu bulan bekerja. Belum terima gaji. Seorang lelaki dikenali Mail yang berikan kerja di bahagian plaster. Saksi juga tak pasti jawatannya mungkin kerani. Mula-mula masuk kerja Harun yang arahkan tetapi di kawasan kerja Mail

yang arahkan dan tinggal dalam bangunan. Kata saksi ini lagi "Mail yang suruh saya tinggal di dalam bangunan itu". Masa terima pinjaman ada tandatangan dokumen. Dokumen itu ada pada Harun. Saksi ini terima duit itu di bangunan dalam tempat beliau tinggal. Saksi juga kata ada bersama Harun ketika dia terima duit itu.

9. SP6 antara lainnya juga menyatakan selain daripada tinggal di kabin, ada juga pekerja yang tinggal di mana-mana kawasan. Mereka tinggal di kawasan blok. Kebenaran pekerja untuk tinggal di kabin itu diberikan oleh GAJ Construction. Dalam pemeriksaan semula pula, SP6 menyatakan kawalan pekerja diuruskan oleh pengurusan mereka sendiri. Utam View sebagai sub-kon pula mengawal pekerja-pekerja. Terdapat 4 kabin itu boleh diduduki beberapa pekerja. Ada pekerja Utama View yang duduk di kabin itu. Kebenaran untuk tinggal di kabin tidak diberikan kepada pekerja tetapi diberikan kepada sub-kon.
10. SP8 adalah Projek Manager Syarikat GAJ Constr. Sd. Bhd. menyatakan, syarikat yang membekalkan tenaga kerja telah dipertanggungjawabkan kepada Sarikat Utama View Services Sdn. Bhd. dan telah menyerahkan tugas SP6 untuk melantik Syarikat Utama View mendapatkan pekerja. SP8 juga menyatakan Syarikat Utama View diberikan kuasa untuk uruskan kawasan projek (kawasan pembinaan).
11. DW1 dalam keterangan mengatakan sub-sub kontraktor yang dilantik (di mana dinafikan oleh Pendakwaan) iaitu;
  - (a) Struktur bangunan – Yusdi (DW2), Suhaimi (DW3), Rosli dan Pak Mat.
  - (b) Kerja-kerja besi – Ismail (Pak Wel).
  - (c) Batu-bata & plaster – Yusof, Harun, Rahmat, Roslan, Bakar dan Yacob.
  - (d) Siling – Pak Seman, Haji Mat dan Said.
  - (e) Pasang pintu – Rosdi.Mereka dikatakan dilantik secara lisan tas kepercayaan. Tidak ada dokumen dibuat. Pak Wel (Ismail) juga dikatakan sebagai penyelia tapak projek dan orang perantaraan sub-kontraktor ini dengan GAJ dalam urusan keperluan barang kerana menurut DW1, mereka tidak boleh berurusan terus dengan GAJ untuk dapatkan bahan-bahan binaan tersebut. DW3 dalam keterangannya DW1 juga memberikan tempat tinggal kepada pekerja di tapak projek tersebut.
12. Pihak Pembelaan gagal mengemukakan Pak Wel (Ismail) sebagai saksi Pembelaan apabila dikatakan saksi ini telah meninggal dunia tanpa pembuktian yang nyata. DW1 juga telah memberikan jawapan perbezaan sub-kontraktor dengan kepala kerja. Menurut DW1 sub-kontraktor tak payah bayar gaji kepada pekerja manakala kepala kerja membayar gaji kepada pekerja. Tetapi kemudiannya bersetuju pula dengan cadangan gaji pekerja di bayar oleh sub-kontraktor. DW3 pula mengatakan sub-

kontraktor mengambil projek dengan borong harga dan mempunyai pekerjaanya sendiri dan gaji dibayar oleh sub-kontraktor. Keperluan barang dipohon dari Kontraktor Utama. Keterangan DW3 amat melucukan yang mengatakan tidak ada apa-apa tindakan akan diambil walaupun pembayaran upah tidak dibuat oleh DW1. Ini termasuklah jika berlakunya perlanggaran syarat merupakan keterangan rekaan semata-mata.

13. Adalah dihujahkan keterangan-keterangan SP3, SP4 dan SP5 merupakan keterangan yang konsisten dengan keterangan SP6 dan SP8 berdasarkan kepada Ekhibit P5 yang menunjukkan bahawa OKT adalah pihak yang bertanggungjawab membekalkan pekerja dan bertanggungjawab sepenuhnya kepada pekerja yang diambil bekerja di tapak projek tersebut. OKT juga menyediakan tempat tinggal dan pembayaran gaji pekerja. Tidak ada keterangan yang menunjukkan OKT diberikan kerja-kerja berkaitan projek selain daripada membekalkan pekerja di bangunan utama projek tersebut.
14. Pihak Pembelaan dalam keterangan DW1 mempertikaikan kesahihan P5 dengan menyatakan bahawa DW1 tidak tahu secara terperinci kandungan P5 sebab ditulis dalam Bahasa Inggeris dan mendakwa perbincangan secara lisan dengan En. Ellen (dikenali sebagai 'Senget') seorang penyelia di tapak projek dari GAJ yang menyatakan OKT dipertanggungjawabkan mengambil upah membina dan menyiapkan 200 unit rumah di tempat kejadian. Dakwaan ini adalah serius dan pihak Pembelaan sepatutnya memnaggil En. Ellen untuk menjelaskan kebenaran OKT. Kegagalan Pembelaan berbuat demikian menyebabkan keterangan DW1 itu adalah keterangan 'hearsay' yang tidak sepatutnya diterima oleh Mahkamah. Jika dipanggil pun tidak memudaratkan kes Pendakwaan kerana En. Ellen bukanlah orang yang bertanggungjawab dalam penyediaan P5 itu.
15. Persoalannya kenapa Pembelaan tidak membangkitkan isu ini dalam pemeriksaan balas ke atas SP6 kerana ianya adalah isu yang boleh manafikan tuduhan ke atas OKT?
16. Adalah dihujahkan bahawa berdasarkan kepada P5 jelas menunjukkan OKT adalah pihak yang membawa masuk semua pekerja di tapak projek tersebut termasuklah ke semua pekerja Indonesia yang ditangkap. Adalah dihujahkan juga bahawa OKT adalah pihak yang membenarkan imigran haram tersebut untuk masuk dan tinggal di premis tersebut.

#### B. PIHAK PEMBELAAN MEMPUNYAI PENGETAHUAN BAHAWA (11) ORANG WARGANEGARA INDONESIA TERSEBUT ADALAH IMIGRAN HARAM

1. Pihak Pembelaan dalam keterangan melalui IDD15, IDD16 dan IDD17 melalui DW1, DW2 dan DW3 cuba meyakinkan Mahkamah yang mulia ini bahawa OKT tidak mempunyai pekerja untuk menjalankan kerja di premis itu apabila IDD15 dikatakan pekerja kepada DW2, IDD16 adalah pekerja kepada DW3 dan IDD15 dikatakan pekerja 'Harun'.

2. OKT dalam keterangan mengatakan DW2 dan DW3 dikatakan antara sub-kontraktor yang dilantik bertanggungjawab kepada semua pekerja di bawah kawalannya termasuklah urusan gaji.
3. Malangnya DW2 dan DW3 pula tidak dapat menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku apabila ada di antara salinan IC pekerja yang dikemukakan terdapat kekeliruan. Antaranya ialah IDD16(8), IDD16(9) dan IDD16(18) itu pekerja kepada DW2 atau DW3. DW1 sendiri dalam keterangan pemeriksaan balas memberitahu Mahkamah yang beliau sendiri tidak tahu samada mereka ini pekerja kepada DW2 atau DW3. Malah DW3 sendiri tak pasti pekerjanya.
4. Tidak ada keterangan yang dikemukakan oleh Pembelaan adakah salinan IC di IDD15, IDD16 dan IDD17 sebenarnya dikemukakan oleh OKT kepada GAJ Contsr. Sebagaimana yang dikehendaki P5. Jika ada kenapa tidak dikemukakan dalam pemeriksaan balas SP6 atau SP8. Satu kegagalan yang amat ketara dilakukan oleh pihak Pembelaan. Bagaimana pula DW2 turut dikemukakan salinan IC dalam IDD15 itu sebagai senarai pekerja? Persoalan yang perlu dijawab oleh Pembelaan.
5. Lebih memudaratkan kes Pembelaan apabila mengemukakan IDD18, IDD19 dan IDD20 Payment Voucher yang dikatakan dibuat kepada DW2, DW3 dan Harun untuk menyokong IDD15, IDD16 dan IDD17 itu. Malangnya pengemukaan IDD18, IDD19 dan IDD20 itu sebenarnya mengecewakan kes Pembelaan apabila penerima-penerima pembayaran seperti Zaid di IDD18(6) dan IDD18(39) serta Rusdi di IDD18(28) dan IDD18(32) tidak terdapat dalam IDD15(A-L). Adakah Rusdi seorang sub-kontraktor pasang pintu (dakwaan Pembelaan) sebagaimana yang dinyatakan oleh DW1. Jika jawapannya benar, adalah malang bagi Pembelaan apabila Rusdi dikatakan sebagai sub-kontraktor sebenarnya adalah pekerja kepada DW2. Bagaimana pula dengan Zaid. Dalam pemeriksaan balas DW1 kata Zaid adalah salah seorang sub-kontraktor tetapi tidak pula dinyatakannya dalam pemeriksaan utama apabila menyebut beberapa orang sub-kontraktor yang lain.
6. Selain daripada itu terdapat penama-penama yang tidak dinyatakan dalam IDD16(1-36) – salinan IC pekerja DW3 juga menerima bayaran iaitu Ah Wat dan Anuar. Keterangan juga menunjukkan OKT membayar gaji pekerja melalui DW2 dan DW3. IDD19 juga menunjukkan OKT sendiri yang membeli barang keperluan seperti dawai, paku seperti contoh di IDD19(12).
7. Dalam kes *PP v DATUK HAJI HARUN BIN HAJI IDRIS & ORS [1971] 1 MLJ 180*. Mahkamah memutuskan bahawa dokumen yang dikemukakan untuk pengecaman tetapi belum dibuktikan bukanlah ekshibit dan oleh itu ia tidak membentuk sebahagian daripada rekod kes tersebut. Oleh itu harus diketepikan bersama segala keterangan lisan yang dikemukakan berhubung dengan dokumen tersebut.

8. Adalah dihujahkan juga bahawa tidak ada tuntutan dibuat oleh DW2, DW3 dan mana-mana orang yang disebut sebagai sub-kontraktor (yang mana dinafikan oleh Pendakwaan) membuat tuntutan ke atas kerja-kerja yang dilakukan kerana mereka dibayar gaji oleh OKT. Dakwaan mereka dibayar berdasarkan kepada *Bayaran Kemajuan Kerja (BKK)* amatlah mengelirukan apabila tidak ada keterangan dikemukakan di Mahkamah. Jika wujud, kenapa pihak Pembelaan tidak memanggil Affendi dan Mr. Goh yang dikatakan salah seorang yang dipertanggungjawabkan untuk menilai sesuatu kerja atau kenapa tidak dibawa masuk sebagai keterangan dalam pemeriksaan balas SP6?
9. Adalah dihujahkan bahawa OKT telah gagal sama sekali mengemukakan keterangan melalui DW1, DW2 dan DW3 dalam pembelaannya untuk menimbulkan suatu keraguan yang munasabah yang OKT mempunyai pengetahuan bahawa pekerja yang ditangkap adalah imigran haram dari Indonesia apabila tidak ada keterangan yang dikemukakan mengenainya.
10. Mahkamah tidak sepatutnya menerima keterangan dari DW1, DW2 dan DW3 yang mengatakan pekerja yang ditangkap adalah pekerja Harun keran ada keterangan yang menunjukkan bahawa Harun juga adalah pekerja kepada OKT;
  - (a) Dakwaan DW1 yang beliau Cuma tahu kejadian tangkapan PATI 2 atau 3 selepas kejadian dari perbualan pekerja semasa masuk ke tapak dan membertahu Mahkamah pekerja tersebut adalah pekerja Harun yang diberitahu oleh sub-kontraktor yang lain;
  - (b) Dakwaan DW2 pula beritahu Mahkamah dapatu tahu PATI ditangkap dari pekerja lain. Pihak Pembelaan tidak establish siap pekerja itu. Dalam pemeriksaan balas, saksi ini beritahu Mahkamah pekerja yang beritahu kejadian ini adalah Saiful;
  - (c) Dakwaan DW3 adalah Mahkamah PATI yang ditangkap adalah pekerja Harun. Dapat tahu dari orang lain pada keesokannya.
  - (d) DW1 dalam keterangan Harun diberikan kerja di Blok M & N sebagai ikat bata. DW3 juga dalam keterangan diberikan kerja di Blok M & N dalam tugas-tugas struktur. Anehnya, DW3 dalam keterangan tak tahu siapa yang ikat batu bata di blok tersebut.
  - (e) SP5 dalam keterangan mengatakan mula-mula masuk kerja Harun yang arahkan tetapi di kawasan kerja Mail yang arahkan. Tak kenal Harun mungkin dia orang Pak Aji. Saksi juga kenal dengan Pak Aji (OKT dicamkan).
  - (f) Mahkamah perlu mengambil kira keterangan SP3 yang mengatakan bahawa ketua tempat kerja adalah orang Melayu dan bekerja sama-sama di kawasan itu. Ini menunjukkan bahawa DW1 & DW2 serta nama-nama yang diberikan oleh OKT itu ini bukanlah seorang sub-kontraktor tetapi bekerja dengan OKT sebagai ‘kepala kerja’ sebagai pekerja dan menjaga serta mengawasi pekerja. Tidak ada keterangan dokumen yang menunjukkan bahawa nama-nama yang disebut oleh DW1 sebagai sub-kontraktor.

11. Semua keterangan yang dikemukakan oleh DW1, DW2 dan DW3 adalah keterangan dengar cakap dan pihak Pembelaan perlu buktikan dakwaan saksi mereka ini. Dan dalam hal ini Mahkamah perlu mengambil kira keterangan SP5 yang mengatakan mula-mula masuk kerja Harun yang arahkan tetapi di kawasan kerja Mail yang arahkan. Tak kenal Harun mungkin dia orang Pak Aji. Saksi juga kenal dengan Pak Aji (OKT dicamkan).
12. Adalah dihujahkan bahawa berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan di Mahkamah sepanjang perbicaraan, pihak Pembelaan telah gagal menggunakan sepenuhnya peluang yang ada untuk meyakinkan Mahkamah satu keraguan yang munasabah telah timbul ke atas dakwaan tertuduh. Tidak ada keterangan Pembelaan di kes Pembelaan sama ada dari DW1, DW2 dan DW3 untuk menafikan tuduhan ke atas tertuduh. Pihak Pembelaan juga telah gagal melaksanakan anggapan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55E(3) 1959/63 dan telah gagal sama sekali menimbulkan suatu keraguan yang munasabah ke atas kes ini.
13. Adalah dihujahkan bahawa tertuduh Utama View Services Sdn. Bhd. (506744-U) 3625, telah didapati melakukan kesalah di bawah Seksyen 55E(1) Akta Imigresen 1959/63 kerana pada 1 Oktober 2003 jam lebih kurang 3.00 pagi di Tapak Projek Pembinaan Perumahan PDRM, di Kampung Bukit Mentok, Chukai, dalam Daerah Kemaman di dalam Negeri Terengganu, sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan tapak projek tersebut, telah membenarkan 11 orang PATI dari Indonesia untuk memasuki atau tinggal di premis tersebut dan Mahkamah hendaklah menjatuhkan hukuman ke atas OKT sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 55E(2) Akta yang sama.

Bertarikh: 13 Jun 2005

**TPPI RUSLI BIN MOKHTAR**  
Pegawai Pendakwa  
Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia  
Putrajaya

**PENGHUJAHAN BERTULIS PENDAKWAAN** ini telah difaillkan oleh TPPI Rusli bin Mokhtar bagi pihak Timb. Pendakwa Raya Negeri Terengganu yang mempunyai alamat penyampaian di Bahagian Penguatkuasa (Unit Pendakwaan), Tingkat 4, Blok 2G4 (Podium), Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Tel:03-88801297.

**Lampiran L1**

**Borang Pol. R.J.2**

**LELAKI/MALE**

(Polis R.J. 2- Pin 2/98)

No. b.U. dafier C.J. 28 Balai

SILA LEKATKAN SALINAN KAD PENGENALAN

Nø. R.J. .... No. Enkuari.....

Nama .....  
(Name)

Nama Bapa .....  
(Father's Name)

No. K.P.T. (Baru) ..... No. K.P. (Lama) .....

Rasmi ..... Agama .....  
(Race) (Religion)

Tarikh Lahir ..... Tempat Lahir .....  
(Date of Birth) (Place of birth)

Kesalahan .....  
(Untuk kegunaan pejabat)

Diklasifikasi oleh: .....  
Diperiksa oleh: .....  
Disenjak oleh: .....



**NOTA: CAP JARI HENDAKLAH DIRAKAM SECARA GOLEKAN DARI TEBING KUKU KE TEBING KUKU.**

1. Ibu Jari Kanan Right Thumb	2. Jari Telunjuk Kanan Right Fore Finger	3. Jari Manis Kanan Right Middle Finger	4. Jari Manis Kanan Right Ring Finger	5. Jari Kelingking Kanan Right Little Finger

6. Ibu Jari Kiri Left Thumb	7. Jari Telunjuk Kiri Left Fore Finger	8. Jari Manis Kiri Left Middle Finger	9. Jari Manis Kiri Left Ring Finger	10. Jari Kelingking Kiri Left Little Finger

**NOTA: CAP JARI-CAP JARI HENDAKLAH DIRAKAM SECARA DITEKAN SERENTAK KECUALI IBU JARI KIRI KANAN.**

JARI-JARI TANGAN KIRI LEFT HAND	Di ruangan bawah ini dicapkan ibujari kiri dan kanan		JARI-JARI TANGAN KANAN RIGHT HAND	
	Ibu Jari Kiri Left Thumb	Ibu Jari Kanan Right Thumb		

Haribulan dan masa ditangkap:

Tandatangan pegawai yang merakam:


Nama

Pangkat/No.

Haribulan

Balai

**Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia**



Saksi kepada ini bertemu dan bersetuju dengan

Nama orang sah

Tanda tangan dan tanda sulur

orang lain bertemu dan bersetuju dengan  
bahawa dia tidak ada bukti yang  
dapat bukti dalam maklumat tersedia

(Untuk kegunaan pejabat)

Dengan ini saya akui bahawa cap jari-cap jari di borang ini adalah  
serupa cap jari-cap jari di borang Rajah-Rajah Nombor:

Rajah-Rajah Penyelidikan Malaysia dan Singapura

Balai.....  
No. Aduan.....  
Tarikh.....  
Pegawai Penyiasat.....  
Kertas Siatasan No.....

Kes Mahkamah Majistret No.....  
Kes Mahkamah Sesyen No.....  
Kes Mahkamah Tinggi No.....

(Untuk kegunaan Pegawai Pendakwa)

Tarikh Hukuman	Tempat Mahkamah dan Nama Hakim	Kesalahan dengan menyatakan Sesyen dan Undang-Undang	HUKUMAN
			(Sekiranya hukuman denda atau ikat jamin nyatakan sama ada denda dibayar atau jamin di perolehi. Sila catatkan juga sama ada rayuan dibuat semasa jatuh hukuman)
		<p>Tempat menjalani hukuman penjarahan</p> <p>Nombor Waran Penjarakan</p>	

JD103612, PRMB, KL

Tanda tangan Pegawai Pendakwa.....

Nama dan Cop Rasmi.....

(KEPUTUSAN KES HENDAKLAH DIBERIKAN OLEH PEGAWAI PENDAKWA DI RUANGAN ATAS. BORANG INI HENDAKLAH DIKEMBALIKAN  
KE PUSAT PENDAFTARAN PENJENATAH, MALAYSIA & SINGAPURA, BUKIT AMAN DENGAN SEGERA SELEPAS KES DISELESAIKAN DALAM  
TEMPOH 12 HARI. SEKITRANYA KES DITANGGUH, BORANG R.J, 37 HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KE PUSATINI)

**Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia**

<b>PERSIMPURAN/FEMALE</b>		(Pola R.J. 2-PPL. S/80)		
Borang ini tidak boleh disemak. <i>This form is not to be signed.</i>				
No. R.J. .... <i>No. Enquiry</i> .... Nama dan No.K.P. .... <i>Name and N.R.I.C. No.</i> .... Nama lahir .... <i>Aliases</i> .... Nama Bapa .... <i>Father's name</i> .... Bangsa .... <i>Race</i> .... Bahasa Cina .... <i>Dialect in Chinese</i> .... Tempat dan Tarikh lahir Beranak .... <i>Place and Date of Birth</i> .... Tudsilah atau sebab diperciksa .... <i>Charge or reason for enquiry</i> .... Tinggiya .... <i>Height</i> ....		<table border="1" style="width: 100px; height: 50px;"></table> <table border="1" style="width: 100px; height: 50px;"></table>		
<b>TANGAN KANAN/RIGHT HAND</b>				
<i>Ibu Jari Kanan</i> <i>1.—Right Thumb</i>	<i>Jari Telunjuk</i> <i>2.—Fore Finger</i>	<i>Jari Hantu</i> <i>3.—Middle Finger</i>	<i>Jari Manis</i> <i>4.—Ring Finger</i>	<i>Jari Kelingking</i> <i>5.—Little Finger</i>
(Lipat)	(Lipat)	(Lipat)	(Lipat)	(Lipat)
<i>Apabila mengambil cap jari JANGANLAH ada orang salah yang lain di dalam bukti iur. Orang salah TIADALAH boleh meninggalkan silik itu sampai "berang" ini step seminggu dengan bantuan tuduhan dan tundataorganya.</i>				
<b>TANGAN KIRI/LEFT HAND</b>				
<i>Ibu Jari Kiri</i> <i>6.—Thumb</i>	<i>Jari Telunjuk</i> <i>7.—Fore Finger</i>	<i>Jari Hantu</i> <i>8.—Middle Finger</i>	<i>Jari Manis</i> <i>9.—Ring Finger</i>	<i>Jari Kelingking</i> <i>10.—Little Finger</i>
(Lipat)	(Lipat)	(Lipat)	(Lipat)	(Lipat)
<b>DI RUANGAN KIRI DAN KANAN DICAPKAN KE LAPAN-LAPAN JARI SEKALI</b>				
<b>TANGAN KIRI/LEFT HAND</b>		Di ruangan di bawah ini dicapkan bu jari kiri dan kanan sekali		
<i>Ibu Jari Kiri</i> <i>Left Thumb</i>		<i>Ibu Jari Kanan</i> <i>Right Thumb</i>		
(Lipat)	<i>Masbilah dengan jari tangkap:</i>			
<i>Tandatangan pengawal yang mengambil</i>		Nama ..... Pangkalan No. .... Hari/tarikh ..... Baled ....		
Dijeniskan oleh ..... Diperiksa oleh ..... Disemak oleh ..... <i>f.s.b/s.</i>				

**Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia**

.....  
.....  
.....

.....
-------

.....  
.....  
.....

Dengan ini saya akui bahawa cap/jari di borang ini adalah sama dengan cap/jari  
(R.J. No. ....) yang mina rekodnya dilampirkan.

*Pendaftar Penjenayah,  
Malaysia dan Singapura*

[BORANG INI HENDAKLAH DIKEMBALIKAN KE PENDAFTAR PENJENAYAH DENGAN SEGERA SELEPAS KES DISELESAIKAN,  
SEKIRANYA TIDAK DAPAT DIKEMBALIKAN DALAM TEMPOH 12 HARI. SILA HANTARKAN BORANG R.J. 37. KEPUTUSAN KES  
HENDAKLAH DIBERIKAN DI BAWAH.]

Bahagia.....  
No Aduan.....  
Tarikh.....

Kes Mahkamah Majistret No. ....  
Kes Mahkamah Sesyen No. ....  
Kes Mahkamah Tinggi No. ....

Tarikh Hukuman	Tempat, Mahkamah dan Nama Hakim	Ketulalan dengan sengkangan Undang-Undang dan Sesyen	Hasutan	
			(Bukalah kujungan kepada agen tanah pinjaman nyatakan sema ada fonda dibayar atau jompa dilipatgandakan. Sila berlakukan juga semuanya mengikut ibarat diatas jika bukannya)	
		<p>Tempat menjalani hukuman penjara: ..... .....</p> <p>Negara/Wilayah Penjatuhkan: .....</p>		

Tandatangan Pegawai Pendakwa .....  
Nama dan Cap Rasmi .....

L-PNB-B-RJ

LAMPIRAN L2

**BORANG POL R.J.9**

(POL. RJ 9--Pin. 2/86)

**PUSAT REKOD-REKOD JENAYAH  
REPOT TANGKAP**

Siasatan Cap Jari No.....

Borang ini hendaklah diisi dan dikembarkan bersama-sama dengan semua borang Siasatan Cap Juri (C.R.2) orang yang ditangkap bagi kesalahan yang didaftarkan kecuali kesalahan-kesalahan mengenai hasil:

1. PENGADUAN:

(a) Nombor Report 9

(b) Kod Balai 16  23   
 1

2. ORANG YANG DITANGKAP:

(a) No. Kad Pengenalan 23

(b) Taraf 31  6

(c) Kod Nama 32

(d) Nama 40  (Nama dim. Tulisan Cina)

56

(e) Keturunan 72  74

(g) Umur 75  79

(i) Pekerjaan 83  85

(k) Bentuk Badan 86  87

(m) Warna Kulit 88  89

(o) Butir-butir Lain 92  94  96  98

(p) Tarikh Tangkap 22  23

35

(q) No. Pend. Jenayah

3. KESALAHAN:

(a) Kesalahan 43  52

(b) Tarikh Kejadian 53

(c) Masa Kejadian 59

(d) Tempat Kejadian 63

4. CARA JENAYAH DILAKUKAN (MO):

(a) Darjah Kesalahan 75  78

(c) Cara 79  81

(e) Keganjilan 83  85

Tarikh.....  
(Pegawai Penjaga Kes)

Kepada:

P.P.D.P.  
PP.S.J.

**PUSAT REKOD-REKOD JENAYAH**

Siasatan telah dibuat di Pusat Rékod-rekod Jenayah dan hasilnya adalah seperti berikut:

1. Didapati daripada cap jari sebagai rekod jenayah No. ....
2. Harus dikehendaki oleh Polis di .....  
kerana .....  
No. Repot ..... No. Surat Pekeliling .....

Kepada:

PUSAT REKOD-REKOD JENAYAH,  
PETI SURAT 248,  
KUALA LUMPUR.

Yang dituduh

Sabit kesalahan  
dibebas

Tarikh ..... Mahkamah dan kes No. ....

Dihukum di bawah .....

Hukuman .....

Adakah dibuat rayuan .....

*Pegawai Pendakwa*

CATAIAN— Dua keping gambar dikehendaki jika orang ini dihukum.  
Gambar-gambarnya boleh didapati di pejabat ini dan gambar-gambar lain tidak dikehendaki.  
Apa-apa jua keterangan yang hendak direkodkan oleh Pegawai Penyiasat berkénaan dengan  
rekod orang ini, hendaklah dicatatkan di bawah ini.

JD116102-PNMB..R&L

*Tatacara Menjalankan Pendakwaan Bagi Kes-kes Kesalahan Hutan  
Di Mahkamah Sesyen/Majistret Di Semenanjung Malaysia*

---

(Polis R.J. 9—Pin. 1/87)

**PUSAT REKOD-REKOD JENAYAH**

**REPOT TANGKAP**

No. Siasatan Cap Jari.....

Borang ini hendaklah diisi dan dikembarkan bersama-sama dengan semua borang Siasatan Cap Jari (C.R. 2) orang yang ditangkap bagi kesalahan yang didaftarkan kecuali kesalahan-kesalahan mengehai hasil:

No. Repot.....	Balai.....
Daerah.....	Negeri.....
Tarikh dan masa ditangkap.....	
No. S.S. .....	

1. Nama yang dituduh.....	Nama dalam..... Bahasa Cina (jika ada)
No. Kad Pengenalan.....	
Nama bapa.....	Nama dalam..... Bahasa Cina (jika ada)
Keturunan.....	Loghat..... (jika orang Cina)
Jantina.....	Pekerjaan.....
Tarikh beranak..... atau	Alamat.....
Anggaran umur.....	Tempat lahir.....
Kesalahan yang dituduh.....	
Adakah yang dituduh dikenali sebagai orang yang dikehendaki di tempat lain.....	

2. Keterangan diri (*lihat* Carta Cacatan Diri).

3. Butir-butir Jenayah (jika ada apa-apa M.O. ganjil yang telah ditunjukkan ianya hendaklah diterangkan).

4. Keterangan apa-apa jua barang yang boleh dicari yang telah dapat balik atau yang masih hilang (sebutkan yang mana satu) berhubung dengan repot ini.

*Pegawai Penjaga Kes  
(Nama dan Pangkat)*